



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.39 | SUBUH 4.49 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.08 | ASAR 3.24 | MAGHRIB 6.08 | ISYAK 7.17

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 123

12 OKTOBER 2022 / 1444 بیع الاول 16

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

مانیسش ایمان

"ORANG-orang yang layak mengimarahkan masjid-masjid Allah itu hanyalah mereka yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta tidak takut melainkan kepada Allah. (Dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka mudah-mudahan mereka termasuk dalam golongan yang mendapat petunjuk".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah at-Taubah, ayat 18.

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahabunallah Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billah 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Tidak ada kes dalam Kategori 5

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Oktober. - Sebanyak 250 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat menjadi 228,548.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak satu kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Sementara itu, tidak ada kes dicatatkan di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi Program Vaksinasi pula setakat hari ini, sebanyak 85.9 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.6 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Manakala sebanyak 78.5 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.6 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

AMALKAN LANGKAH PENCEGAHAN TREND KES ILI



YANG Berhormat Menteri Kesihatan berucap pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Oktober. - Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan kepada orang ramai bahawa trend kes Influenza-Like Illness (ILI) di negara ini masih berada di tahap yang tinggi sejak beberapa minggu yang lalu.

>> Muka 3

Hari Pos Sedunia disambut dengan majlis keagamaan

Oleh : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Isnin, 10 Oktober - Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlii, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah bersempena dengan

Hari Pos Sedunia Tahun 2022, hari ini, yang berlangsung di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di sini.

>> Muka 7

Tangani isu kesihatan mental bersama

Siaran Akhbar : CureHeart

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Oktober. - Di Negara Brunei Darussalam (NBD), kira-kira 1.5 peratus daripada penduduk negara mengalami masalah kesihatan mental.

Jumlah tersebut dikongsikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad dalam ucapan perasmian Forum Kesihatan Mental dan Kesejahteraan di

Tempat Kerja yang dianjurkan oleh CureHeart sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2022 di Hotel Wafa, baru-baru ini.

Statistik ini menunjukkan bahawa sementara kesihatan mental bukanlah lagi perkara larangan seperti sebelum ini, usaha untuk menghapuskan, menyebarkan kesedaran dan menyediakan sokongan masih menjadi keutamaan terutamanya di tempat kerja.

>> Muka 8



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

f Pelita Brunei @ pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama



BENGKEL suntik semangat penulis muda

Muka 11



BILIF bina rangkaian profesional sumber tenaga manusia

Muka 17



RENCANA

KENDERAAN elektrik mesra alam bantu kurangkan pencemaran

Muka 21



Tingkatkan survival rate dalam kalangan kanak-kanak menghidap kanser

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Selamat Pagi

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini di Majlis Childhood Cancer and Thalassemia Awareness Day. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum keluarga, para sahabat, dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Setiap tahun kira-kira 400,000 kanak-kanak di seluruh dunia didiagnos dengan penyakit kanser. Pada tahun 2018, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah melancarkan The Global Initiative for Childhood Cancer dengan matlamat untuk meningkatkan kadar kelangsungan hidup (*survival rate*) di kalangan kanak-kanak yang menghidap kanser kepada sekurang-kurangnya 60 peratus menjelang tahun 2030 serta mengurangkan penderitaan dan meningkat kualiti kehidupan mereka. Lebih dari lapan dalam 10 orang kanak-kanak sembuh daripada kanser jika mereka mendapatkan rawatan awal dan penjagaan yang terbaik. Ramai kanak-kanak yang sembuh dari kanser dapat menjalani kehidupan yang panjang, bahagia, sihat dan produktif.

Di Negara Brunei Darussalam, seramai 335 kanak-kanak berumur di antara 0 hingga 19 tahun telah didiagnos dengan kanser di antara 2002 hingga 2021. Berdasarkan data yang diperoleh daripada pendaftaran kanser Hospital Based Cancer Registry, terdapat sedikit peningkatan jumlah kanak-kanak

yang didiagnos dengan kanser di kalangan mereka yang berumur di antara 0 sehingga 12 tahun iaitu daripada 61 kanak-kanak pada tempoh 2000 - 2009 kepada 117 kanak-kanak pada tempoh 2010 - 2022. Walau bagaimanapun, kadar kematian disebabkan kanser pada tempoh yang sama, telah menurun daripada 31.25 peratus kepada 27 peratus. Antara jenis kanser yang biasa didapati di kalangan kanak-kanak adalah kanser leukaemia dan barah otak.

Manakala, penyakit Thalassemia pula adalah penyakit genetik sel darah merah yang menyebabkan tubuh kekurangan sel darah hemoglobin yang berfungsi membawa oksigen ke seluruh tubuh. Sebagai penyakit genetik, Thalassemia diturunkan kepada anak daripada kedua ibu bapa yang membawa gen Thalassemia. Mereka yang menghidap penyakit Thalassemia Major memerlukan rawatan sepanjang hayat. Rawatan yang biasa diberikan adalah pemindahan darah (*blood transfusion*) setiap bulan dan rawatan penyingkirkan zat besi. Pada masa ini, terdapat 64 pesakit Thalassemia yang memerlukan pemindahan darah ataupun Transfusion Dependant Thalassemia (TDT) di Negara Brunei Darussalam.

Pada majlis pagi ini, saya difahamkan, Yayasan Kanser Kanak-Kanak (YASKA), telah mengaturkan beberapa aktiviti-aktiviti khusus bagi tujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan bagi kanak-kanak menghidap kanser dan kanak-kanak yang menghidap Thalassemia untuk kekal aktif melakukan kegiatan aktiviti fizikal yang bersesuaian dan selamat serta membudayakan cara hidup sihat.

Alhamdulillah, rawatan bagi kanak-kanak yang menghidap kanser dan Thalassemia telah berkembang maju secara signifikan dan

telah membawa kepada peningkatan kadar kelangsungan hidup (*survival rate*). Penghidap kanser sekarang mencapai usia dewasa akan tetapi mereka mungkin menghadapi kesan lewat daripada rawatan yang telah dijalani. Salah satu kesan sampingan utama yang dihadapi adalah keletihan atau *fatigue* yang boleh membawa kepada tingkah laku *sedentary* dan tahap aktiviti fizikal yang rendah. Di samping itu, bukti kajian menunjukkan bahawa hanya sedikit dari golongan penghidap kanser kanak-kanak dan Thalassemia yang terselamat (*cancer and thalassemia survivors*) mengamalkan diet yang berkhasiat atau seimbang. Ini boleh menyumbang kepada perkembangan obesiti dan penyakit kardiovaskular terutamanya dalam kumpulan survivor kanser kanak-kanak.

Menurut Garis Panduan Senaman Onkologi Pediatrik Antarabangsa (International Exercise Guideline for Oncology), pesakit kanser disyorkan untuk menjalani latihan senaman aerobik dan latihan kekuatan sebanyak tiga kali seminggu dalam tempoh 20 hingga 60 minit. Manakala, pesakit Thalassemia dinasihatkan untuk berjalan selama sekurang-kurangnya 30 minit pada kebanyakan hari dalam seminggu dan sebaik-baiknya pada setiap hari. Pergerakan dan senaman adalah penting untuk perkembangan sihat kanak-kanak dan remaja yang menghidap penyakit kronik. Bagi kanak-kanak yang menghidap dan selepas kanser, bukti menunjukkan bahawa pergerakan dan senaman adalah selamat dan memberi faedah seperti meningkatkan kualiti hidup, meningkatkan kecerasan kardiorespiratori dan boleh melindungi daripada obesiti, penyakit kardiovaskular, diabetes dan darah tinggi. Menjalani gaya



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berucap pada Majlis Childhood Cancer and Thalassemia Awareness Day yang berlangsung di Times Square pada 25 September 2022.

hidup sihat juga boleh melindungi mereka daripada kesan lewat rawatan kanser.

Selain daripada ini, majlis pada pagi ini juga bertujuan bagi meningkatkan kesedaran mengenai Thalassemia di mana penyakit ini adalah penyakit yang diwarisi dan boleh diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain. Dalam pada itu, jika ada ahli keluarga yang diketahui menghidap Thalassemia, orang ramai adalah dinasihatkan untuk sebaiknya melakukan ujian saringan Thalassemia di pusat-pusat kesihatan terdekat untuk mengetahui status Thalassemia masing-masing terutama sebelum berkahwin atau sebelum merancang untuk berkeluarga, dan untuk mendapat nasihat atau kaunseling mengenainya sebagai satu persediaan.

>> Muka 8

WAKTU SEMBAHYANG

OKTOBER MASIHI	HARI	RABIULAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	AŞAR	MAGHRIB	İSYAK
12	RABU	16	4.39	4.49	6.06	6.28	12.08	3.24	6.08	7.17
13	KHAMIS	17	4.38	4.48	6.06	6.28	12.08	3.24	6.07	7.17
14	JUMAAT	18	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.07	7.16
15	SABTU	19	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.07	7.16
16	AHAD	20	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.06	7.16
17	ISNIN	21	4.38	4.48	6.05	6.28	12.07	3.24	6.06	7.16
18	SELASA	22	4.38	4.48	6.05	6.28	12.07	3.24	6.06	7.15

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
31 24 °C 	31 24 °C 	31 24 °C
Pekan Bangar		
31 23 °C 	32 23 °C 	32 23 °C
Pekan Tutong		
31 24 °C 	30 24 °C 	31 24 °C
Kuala Belait		
31 24 °C 	30 24 °C 	31 24 °C
Wallahulam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

12 OKTOBER 2022

Jangan abaikan isu kesihatan mental

SU kesihatan mental merupakan satu masalah yang sedang dihadapi secara global berikutan beberapa cabaran yang dihadapi kebelakangan ini terutamanya tatkala dunia berdepan dengan kesan dari pandemik COVID-19, peningkatan kos sara hidup, kekurangan bekalan sumber asas dan sebagainya.

COVID-19 memberikan kesan yang amat besar pada kesihatan mental masyarakat dunia mahupun di Negara Brunei Darussalam (NBD). Perkara ini adalah disebabkan terjejasnya akses kepada perkhidmatan kesihatan harian termasuk juga perkhidmatan kesihatan mental terjejas dan terhad akibat penularan COVID-19.

Hal ini juga dialami oleh NBD apabila jurang dan keperluan serta pemberian perkhidmatan kesihatan adalah terhad berikutan pelaksanaan langkah-langkah pengawalan COVID-19 yang tidak dapat dielakkan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, baru-baru ini dalam perutusan sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2022 mengongsikan bahawa pada Ogos 2021 ketika permulaan gelombang kedua COVID-19 melanda NBD, Talian Harapan 145 menerima sebanyak 1,058 panggilan dalam tempoh dua bulan. Perkara tersebut adalah kenaikan yang ketara dari purata jumlah panggilan bulanan yang diterima, pada tahun 2020, iaitu sebanyak 445 panggilan.

Berdasarkan data rekod kesihatan elektronik (Bru-HIMS) bagi tahun 2021, seramai 1,515 individu didiagnosis dengan *anxiety disorder* dan lebih daripada 900 individu mengalami *depressive disorders*. Hal ini menunjukkan, bahawa pandemik COVID-19 terbukti memberikan kesan yang meluas terhadap kesihatan mental.

Sementara di seluruh dunia, pandemik COVID-19 mengakibatkan peningkatan tahap tekanan mental atau stres dan mewujudkan kadar keimbangan serta kemurungan yang tinggi, di mana dianggarkan 1 dalam 4 individu mengalami masalah kesihatan mental semasa tahun pertama pandemik tersebut berlaku.

Manakala kewujudan global *existential uncertainties*, seperti ketidakpastian sumber pendapatan bagi kebanyakan orang menambahkan lagi risiko individu untuk menghidap penyakit kesihatan mental, seperti stres dan gangguan emosi.

Selain itu, keadaan kerja yang tidak selamat atau kurang baik, hubungan kerja yang tidak sihat dan pengangguran boleh menyumbang pada keburukan kesihatan mental atau memburukkan lagi kesihatan mental sedia ada.

Dalam hal ini, masyarakat seharusnya menitberatkan kepentingan kesihatan mental dengan meningkatkan kesedaran akan kepentingannya dan mengurangkan stigma mengenai topik berkaitan dengan kesihatan mental.

Justeru itu, masyarakat kita adalah dinasihatkan untuk tidak mengabaikan tanggungjawab terhadap penjagaan kesihatan diri dan keluarga dengan sentiasa melakukan aktiviti riadah yang sihat di samping melakukan aktiviti kerohanian seperti berzikir. Selain itu, lakukanlah saringan kesihatan bagi pengesanan serta rawatan awal.

- Ketua Penyuntingan (Rd)

355 KES BAHARU DILAPORKAN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap pada Sidang Media berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Oktober. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar memaklumkan bahawa dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah

■ Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

menunjukkan sedikit peningkatan dengan kadar purata harian kes pada minggu lepas ialah sebanyak 307 kes sehari, berbanding dengan 268 kes sehari pada minggu sebelumnya.

Menurut Yang Berhormat semasa Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, petang tadi, sebanyak 38,978 keputusan Ujian Pantas Antigen (ART) telah dimuat naik ke aplikasi BruHealth dalam masa satu minggu dengan 5.5 peratus daripadanya adalah keputusan ART yang positif.

Pada hari ini kata Yang Berhormat, tidak ada kes dalam Kategori 5, iaitu yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU), manakala satu kes sedang berada dalam Kategori 4, iaitu yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Yang Berhormat seterusnya

memaklumkan bahawa dalam tempoh masa 24 jam yang lalu, satu kes COVID-19 telah meninggal dunia dan kes berkenaan tidak dikategorikan sebagai kematian disebabkan COVID-19.

Pada hari ini ujar Yang Berhormat, sebanyak 355 kes baharu telah dilaporkan dan kesemuanya adalah hasil ART.

Yang Berhormat seterusnya menambah sehingga kelmarin, 9 Oktober 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di NBD kekal berada di tahap yang tinggi dengan 78.5 peratus daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan 10.6 peratus juga telah mendapatkan dos keempat vaksin.

"Kerjasama orang ramai adalah juga terus diharapkan untuk memuataikkan keputusan ART masing-masing, sama ada positif atau negatif ke aplikasi BruHealth," ujar Yang Berhormat.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja **memberikan makluman yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan makluman atau sijil-sijil** bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

**DENDA SEBANYAK
\$10,000
DAN PENJARA SELAMA
2 TAHUN**



PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik **telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.**

**DIKENAKAN TINDAKAN
TATATERTIB DAN BOLEH
DITAMATKAN PERKHIDMATAN
DENGAN SERTA-MERTA.**



Amalkan langkah pencegahan trend kes ILI

■ Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

>> Muka 1

Oleh itu, orang ramai adalah diingatkan untuk terus mengamalkan pelbagai langkah pencegahan dan pengawalan bagi jangkitan respiratori, khususnya bagi sesiapa yang menunjukkan pelbagai tanda jangkitan.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Pelbagai langkah berkenaan jelas Yang Berhormat termasuk mengasingkan diri daripada orang lain di sepanjang tempoh mengalami simptom, memakai sungup muka dan kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan cecair pembasmi kuman, iaitu pelbagai langkah yang serupa bagi mengawal jangkitan COVID-19.

"Orang ramai, khususnya kanak-kanak berumur di bawah 5 tahun, mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan mereka yang menghidap penyakit kronik seperti penyakit kardiovaskular, kencing manis dan sebagainya, adalah juga dinasihatkan untuk mendapatkan vaksinasi influenza sekali pada setiap tahun," ujar Yang Berhormat.

Tingkat kesedaran tentang penjagaan kesihatan mental

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Oktober. - Pemantauan epidemiologi di Negara Brunei Darussalam (NBD) menunjukkan trend bagi cirit-birit (Gastroenteritis) telah mula menunjukkan pengurangan.

Dalam hal ini, orang ramai adalah diingatkan untuk sentiasa berhati-hati dan berwaspada terutamanya memastikan makanan dan minuman yang diambil dimasak dengan sempurna dan adalah bersih serta selamat untuk dimakan.

Perkara tersebut ditegaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di NBD, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, petang tadi.

Menurut Yang Berhormat, sesiapa yang mengalami cirit-birit, mual dan muntah-muntah yang berterusan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Berikut dengan Hari Kesihatan Mental Sedunia yang diraikan pada 10 Oktober setiap tahun, Kementerian Kesihatan ingin menarik perhatian orang ramai mengenai kepentingan penjagaan kesihatan mental dan kesejahteraan diri.

"Kesihatan mental adalah merupakan salah satu keutamaan komuniti kesihatan global, sesuai dengan tema sambutan pada tahun ini, iaitu 'Jadikan Kesihatan dan Kesejahteraan Mental Untuk Semua Satu Keutamaan Global' (Make Mental Health and Well-Being for All a Global Priority).

"Marilah kita bersama-sama menggandakan usaha untuk mengutamakan sekali gus meningkatkan kesedaran tentang penjagaan kesihatan mental dengan melakukan pelbagai aktiviti riadah dan kerohanian, serta saling memberikan sokongan kepada mereka yang mengalami kesihatan mental," tegas Yang Berhormat.

Semoga NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada segala bencana dan wabak penyakit serta berada dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'alaa jua.

■ **ORANG** ramai adalah diingatkan untuk sentiasa berhati-hati dan berwaspada terutamanya memastikan makanan dan minuman yang diambil dimasak dengan sempurna dan adalah bersih serta selamat untuk dimakan.

■ **SESIAPA** yang mengalami cirit-brit, mual dan muntah-muntah yang berterusan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan perubatan dengan segera.

■ **BERSAMA-SAMA** menggandakan usaha untuk mengutamakan sekali gus meningkatkan kesedaran tentang penjagaan kesihatan mental dengan melakukan pelbagai aktiviti riadah dan kerohanian, serta saling memberikan sokongan kepada mereka yang mengalami kesihatan mental

...Majlis sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam...

Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ceramah Khas sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di Dewan Bankuet, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat. Turut hadir, Yang Berhormat Peguam Negara dan Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri di JPM.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Oktober. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini mengadakan Majlis Ceramah Khas sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di Dewan Bankuet, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti

Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Timbalan-timbalan Menteri di JPM, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai dan kakitangan JPM.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dipimpin

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran dan diteruskan dengan memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Imam Ibu Pejabat Surau Polis Gadong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), L/Cpl 6569 Mohammad Zulhairi bin Omarali.

Selain itu, majlis juga turut diserikan dengan Dikir Marhaban daripada Kumpulan Pendikir PPDB.

Kemudian majlis diselajurkan dengan ceramah bertajuk 'Bersabar, Berikhtiar, Bertawakal dan Berdoa Menghadapi Ujian : Meriah Syafa'at Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama, KHEU, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid yang antara lain isi ceramah yang telah disampaikan adalah menyentuh mengenai tibanya Hari Kiamat nanti semua makhluk Allah Subhanahu Wata'ala akan dibangkitkan di dalam kubur dan berkumpul di Padang Mashyar.

Dalam ceramah, beliau juga menyatakan bahawa bila tiba di Padang Mashyar nanti, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda semasa dibangkitkan untuk menuju ke

padang mashyar itu mereka akan berjalan dengan bermacam-macam cara.

"Ada tiga cara perjalannya iaitu berjalan kaki manakala yang kedua ada yang berjalan di atas tunggangannya dan yang ketiga mereka berjalan di atas wajah-wajah mereka," jelasnya.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa oleh Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin.

Majlis tersebut dikendalikan bersama Sekretariat Jawatankuasa Keselamatan Negara, JPM; Pusat Penyelaras Keselamatan Kebangsaan, JPM; Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.



CERAMAH disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama, KHEU, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di dalamnya

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Sultan Sharif Ali, Sengkurong, Awang Haji Mohd. Zaidin bin Haji Mohd. Noor.

Majlis diserikan lagi dengan Ceramah Khas bertajuk 'Bersabar, Berikhtiar, Bertawakal dan Berdoa Menghadapi Ujian : Meriah Syafa'at Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Penceramah Undangan iaitu Da'ie Bertaualiah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Antara lain dalam ceramahnya menyentuh mengenai bagaimana Rasulullah mendidik kita umat Islam untuk tetap bersabar apabila menerima sesuatu ujian.

Menurut beliau, Baginda Rasulullah merupakan orang yang paling banyak ditimpa ujian namun Baginda menghadapi setiap ujian yang diberikan itu dengan hati yang tenang dan penuh sabar.

Baginda teguh menghadapi ujian kehidupan, sabar menerima cubaan dan halangan, serta tetap teguh pendirian dalam memperjuangkan kebenaran.

Untuk itu, dalam menghadapi sebarang musibah atau ujian tambahnya, Rasulullah mengajar umat agar memohon doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar diberikan ganjaran di atas musibah dan memohon agar ia digantikan dengan yang lebih baik.

Tambahnya lagi, dengan mencontohi akhlak Baginda,

sentiasa berselawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, adalah antara yang akan menolong kita mendapat syafaat Baginda di akhirat kelak.

Acara majlis turut diserikan dengan Dikir Asyrikal yang dipersembahkan oleh Kumpulan Dikir Jabatan Penjara.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di dalamnya. Majlis pada tahun ini diungkayahkan oleh Jabatan Penjara.



CERAMAH disampaikan oleh Penceramah Undangan iaitu Da'ie Bertaualiah Majlis Ugama Islam Brunei, Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Sambutan Majlis Maulidur Rasul bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi bertempat di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong.

SENGKURONG, Isnin, 10 Oktober. - Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam terus disemarakkan oleh pelbagai pihak di negara ini untuk menzahirkan rasa syukur umat Islam kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas kelahiran insan agung dan mulia ini.

Sehubungan itu, Kementerian

Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di dalamnya mengajurkan Sambutan Majlis Maulidur Rasul bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi bertempat di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Awang Haji Ahmadaddin bin Haji Abdul Rahman.

Atur cara majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Selawat Tafrijiyah, diikuti dengan penyampaian sumbangan wakaf dari KHEDN, yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid

...Majlis sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam...

Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Dikir Maulidur Rasul di Masjid Kampung Kilanas. Juga hadir, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

KILANAS, Isnin, 10 Oktober. - Acara Dikir Syarafil Anam selama 12 malam berturut-turut sempena Sambutan Maulud Nabi Alaihi Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas berakhir dengan Majlis Penutup Dikir Maulidur Rasul

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

yang berlangsung di masjid berkenaan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid. Juga hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang juga selaku Penaung I, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Acara kemudian diteruskan dengan Dikir Assalamualaika diikuti Dikir Khairuman, Alhamdulillah, Bishahrin, Badat, Dikir Marhaban serta Doa Dikir dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Pada majlis itu, pihak Kementerian Pembangunan juga menyerahkan beberapa buah alat elektrik sebagai wakaf untuk kegunaan pihak Masjid Kampung

Kilanas yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Acara dikir merupakan aktiviti tahunan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas bagi menggalakkan semua ahli jawatankuasa takmir masjid dan penduduk kampung serta jemaah Masjid Kampung Kilanas dalam sama-sama meraih pahala dan berkat yang terdapat di dalamnya.

Ia juga bertujuan untuk memupuk rasa cintakan kepada Rasul Allah, semangat bergotong-royong dan kerjasama serta perpaduan dalam mengungkayakan pelaksanaan Majlis Dikir dan mendapatkan ilmu sampingan daripada tazkirah yang juga turut diadakan serta menggalakkan masyarakat kampung untuk mengimarahkan masjid dan sekaligus memupuk semangat kerjasama dan merapatkan silaturrahim di antara penduduk Kampung Kilanas dan sekitarnya.

Selain itu juga bagi menyerahkan fungsi masjid sebagai sebuah institusi yang bertanggungjawab dalam sama-sama menyemarakkan syiar Islam di negara ini.

Kementerian Pendidikan



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa mendengarkan ceramah yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Hilman bin Haji Salim.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Oktober. - Banyak bentuk syafaat Rasulullah bagi umat Baginda dan lima antaranya ialah memberikan keringanan bagi seluruh makhluk di Padang Mahsyar dan memasukkan suatu kaum ke Syurga tanpa hisab.

Selain itu, menyelamatkan kaum yang telah ditentukan masuk Neraka, mengeluarkan orang yang berdosa dari Neraka dan menambahkan darjah bagi para penghuni Syurga.

Ceramah Khas bertajuk 'Meraih Syafaat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Hilman bin Haji Salim juga menerangkan dua perkara yang menghalang dari memperoleh syafaat iaitu syirik dan pemimpin zalim serta melampaui dalam beragama.

Pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di Dewan Utama Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan hari ini, Awang Hilman seterusnya menyatakan empat cara meraih syafaat Baginda iaitu perbanyakkan berselawat kepada Rasulullah terutama pada Jumaat, mencintai Baginda, sentiasa berwuduk dan berselawat 10 kali pada waktu pagi dan petang.

Hadir pada majlis anjuran Kementerian Pendidikan melalui Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Jabatan Pengurusan Pendidik, di sini, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan doa yang dipimpin oleh Imam Masjid Sufri Bolkiah, Awang Abdul Razak bin Samat dan diakhiri

dengan Dikir Marhaban yang diketuai oleh Pegawai Pelajaran dari Pusat Keusahawanan Inovasi, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Muhammad Nazreen Hazwan bin Haji Suani.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Naib Canselor, Rektor, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan serta ketua-ketua jabatan Kementerian Pendidikan.

Majlis sambutan pada tahun ini membawa tema 'Bersabar, Berikhtiar, Bertawakal dan Berdoa Menghadapi Ujian : Meraih Syafa'at Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'.

Majlis ini merupakan salah satu acara Hari-hari Kebesaran Islam yang diraikan oleh Kementerian Pendidikan pada setiap tahun bagi merakam kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan meningkatkan lagi rasa kecintaan kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Universiti Brunei Darussalam

Oleh : Marlinaawaty Hussin

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TUNGKU LINK, Selasa, 11 Oktober. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi, yang dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar UBD melalui Unit Kerohanian dan Khidmat Masyarakat, Eksekutif Keugamaan dan Kerohanian (EKK), Persatuan Mahasiswa/i UBD (PMUBD), di Bilik Senat, Dewan Canselor, UBD.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah majlis tahunan yang lazimnya disemarakkan oleh para warga UBD dengan mengadakan berbagai cara sambutan.

Pada tahun ini, tema sambutan ialah 'Bersabar, Berikhtiar, Bertawakal dan Berdoa Menghadapi Ujian : Meraih Syafa'at Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam'.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Naib Canselor UBD, Pengiran Dr. Mohd. Iskandar bin Pengiran Haji Petra.

Majlis ini juga dihadiri serta dimeriahkan lagi oleh Pegawai, Pensyarah, Kakitangan dan Mahasiswa-mahasiswi UBD.

Majlis disemarakkan dengan satu Ceramah Khas, bertajuk 'Cinta Rasulullah Cinta Luar biasa', disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Haji Muhammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit.

Ceramah tersebut, antara lain menyentuh mengenai pentingnya bagi kita umat Islam mengetahui dan meneladani akhlak Rasulullah.

Majlis adalah bagi menunjukkan kepada para masyarakat, di zaman moden dan serba canggih ini mengenai keperluan bagi masyarakat mengetahui akan kesihihan sumber yang kita peroleh untuk mendapatkan ilmu agar ia tidak menyimpang dari ajaran sebenar.

Selain itu, majlis sambutan ini, antara lain bertujuan bagi menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam kampus universiti, di samping sebagai penghubung silaturahim di antara warga UBD dan orang ramai.



PEMANGKU Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Pengiran Dr. Mohd. Iskandar bin Pengiran Haji Petra pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi.

...Majlis sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam...

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Oktober. - Bagi memperingati dan menyemarakkan lagi hari kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah bertempat di Dewan Digadong, Bangunan KKBS, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Muhd Zakaria bin Haji Mohd. Salleh.

Diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran Surah Ali-Imran, ayat 133 hingga 148 yang dibacakan oleh Awang Haji Mohd Khairul Zaman bin Haji Mohd Salleh, pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHB), manakala bacaan Sari Tilawah Al-Quran dibacakan oleh Dayang Siti Rosidah binti Haji Abdullah@Nora Maslina yang juga merupakan pelajar dari ITQSHB.

Majlis kemudiannya diteruskan lagi dengan ucapan Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Pengiran Siti Rahmah binti Pengiran Haji Salleh selaku Pengurus Majlis, yang antara lain menjelaskan mengenai tema Sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini, iaitu 'Bersabar, Berikhtiar, Bertawakal dan Berdoa Menghadapi Ujian, Bagi Meraih Syafaat Rasulullah Sallallahu

Alaihi Wasallam'.

Menurutnya, tema berkenaan adalah bertepatan dengan kehidupan kita pada masa ini, setelah sama-sama bersabar menghadapi dan mengharungi ujian wabak COVID-19, dan antara usaha yang telah diambil oleh pihak kerajaan secara berterusan ialah dengan menggunakan 'Vaksin Ketuhanan', dengan memperbanyak membaca Qunut Nazilah, Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara.

Pelbagai aktiviti keugamaan tambahnya, juga terus diadakan dan diterapkan dalam institusi keluarga, serta diperaktikkan di segenap lapisan masyarakat.

Oleh yang demikian katanya lagi, bersempena dengan kita menyambut Maulidur Rasul ini, sangatlah wajar untuk kita memperbanyak Selawat ke atas Baginda sebagai doa dan Zikir untuk kita meraih syafaat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Setelah itu, majlis diikuti dengan ceramah khas yang disampaikan oleh Pegawai Ugama Pusat Da'wah Islamiah, Mohammad Nasyith bin Superi, dengan tajuk 'Mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Merupakan Kewajipan'.

Beliau dalam ceramah berkenaan antara lain berkata, mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah suatu kewajipan, bukan satu pilihan dan adalah merupakan tanda kesempurnaan iman.

Beliau turut menggariskan tiga cara untuk menjadikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai idola kita, iaitu

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah bertempat di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

berusaha untuk mengenal tentang keperibadian; sirah perjuangan dan pengorbanan Baginda; mengamalkan sunnah Baginda dalam kehidupan sehari-hari; dan memperbanyakkan Selawat.

"Marilah kita sama-sama menjadikan Rasulullah sebagai idola kita dalam kehidupan dengan menanamkan rasa kecintaan yang mendalam kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan mengikuti segala ajaran-Nya serta memperbanyakkan Selawat ke atas Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam. Sama-sama kita berdoa agar kita semua akan

memperolehi syafaat dari Baginda di akhirat nanti. *Amin Ya Rabbal Alamin*," ujarnya lagi.

Majlis juga diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban bagi meraikan tiga orang saudara baru daripada warga KKBS, iaitu Pelatih Pusat Pembangunan Belia, Awang Muhammad Aqil Fauzan bin Abdul Rahman Dato; dan para pelatih Pusat Bahagia Tutong, Awang Shahru Nizam bin Sulaiman dan Dayang Nurul Shahniza binti Sulaiman.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, Doa Memohon Perlindungan Daripada

Wabak dan Penyakit serta Selawat Tafrijiyah dan Sayyidul Istighfar sebagai penutup majlis.

Majlis sambutan berkenaan merupakan aktiviti tahunan KKBS bagi sama-sama menyemarakkan lagi acara hari kebesaran Islam dan seterusnya menanam perasaan cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah dan para pegawai kanan dari KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

keperibadian, sirah perjuangan dan pengorbanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui ceramah-ceramah dan bahan bacaan, seperti Al-Quran, kitab-kitab dan termasuklah juga buku-buku yang berkaitan bersama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Terangnya, Allah Subhanahu Wata'alá, dalam Surah Al-Baqarah, ayat 146, "Orang-orang Yahudi dan Nasrani yang Kami telah kurniakan kitab itu mengenalinya (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) sebagaimana mereka mengenali anak-anak mereka sendiri, mereka tahu sifat-sifat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan kebenaran agama Islam yang baginda, bahawa ada disebutkan di dalam Kitab-kitab Taurat dan Injil".

"Mereka ahli kitab tidak beriman dengan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, namun sangat mengenalinya.

"Maka, bagaimana dengan kita yang mengaku mencintai Nabi, alangkah beruntungnya apabila kita selaku umat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu lebih mengenali dan lebih banyak tahu mengenai dengan keperibadian, sirah perjuangan dan pengorbanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam," katanya lagi.

Tambahnya, begitu juga halnya apabila kita ingin menjadikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu sebagai idola kita (*role-model*), perlu ada rasa cinta terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terlebih dahulu

dan mustahil datang rasa cinta itu tanpa kita kenal peribadi, sirah perjuangan dan pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis dihadiri oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Abdul Razak bin Haji Abd. Kadir.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pemerintah Angkatan Tentera dan Pemerintah Angkatan Bersama, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pegawai - pegawai serta Kakitangan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Terlebih dahulu acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan ayat-ayat Surah Al-Azhab.



Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei



YANG Mulia Timbalan Menteri Pertahanan antara yang hadir mendengarkan Ceramah Khas yang disampaikan oleh Pegawai Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohammad Nasyith bin Superi (atas dan kanan).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Oktober. - Mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah suatu kewajipan dan ia merupakan tanda kesempurnaan iman.

Sebagaimana sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, "Tidak sempurna iman seseorang kamu, hingga Aku (Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam) lebih dikasihi

daripada ibu bapanya, anaknya dan manusia seluruhnya". - Hadis Riwayat Al-Bukhari.

Demikianlah, antara inti pati Ceramah Khas sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam anjuran Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), yang berlangsung di Surau

Ad-Difa, Bolkiah Garison, di sini. Ceramah Khas, bertajuk 'Bersabar, Berikhtiar, Bertawakal dan Berdoa Menghadapi Ujian : Meraih Syafa'at Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam', disampaikan oleh Pegawai Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Menurutnya, antara usaha kita untuk meningkatkan lagi rasa cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu ialah dengan cara berusaha untuk mengenal tentang

HARI POS SEDUNIA DISAMBUT DENGAN MAJLIS KEAGAMAAN



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir bagi sama-sama menyamarakkan lagi Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlii, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah bersempena dengan Hari Pos Sedunia Tahun 2022.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

>> Muka 1

Hadir bagi sama-sama menyamarakkan lagi majlis, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlii yang dikhususkan untuk pegawai dan kakitangan JPP yang telah kembali

kerahmahtullah, diikuti dengan bacaan Doa Perlindungan Wabak COVID-19 bagi memohon kesejahteraan dan keselamatan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Majlis yang penuh berkebajikan ini bertujuan bagi memperingati Penubuhan Jabatan Perkhidmatan Pos Negara Brunei Darussalam Ke-116 Tahun dan Sambutan Hari Pos Sedunia Ke-148 Tahun yang

jatuh pada setiap 9 Oktober.

Di samping itu, majlis juga adalah merupakan wadah untuk mengeratkan hubungan silaturahim warga JPP.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah-pengarah Bahagian di MTIC, ketua-ketua jabatan dan ketua-ketua eksekutif, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos.

Mengagungkan acara kebesaran Islam



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir pada Majlis Silaturahim sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi yang berlangsung di Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun.

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

SUNGAI KEBUN, Isnin, 10 Oktober. - Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun telah mengadakan Majlis Silaturahim sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi yang berlangsung di masjid berkenaan, malam tadi.

Hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji

Masri.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan yang disampaikan oleh Ketua Imam, Masjid Al-Muhtadee Billah, Awang Haji Abu Samah Shukri bin Haji Mohd. Hussein Hassan selaku Pengerusi Majlis.

Awang Haji Abu Samah Shukri dalam ucapannya menjelaskan majlis berkenaan antara lain diadakan untuk mengagungkan lagi salah satu acara kebesaran

Islam, di samping mengharapkan syafaat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'alua jua.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan bacaan Dikir Assalamualaika, Khairuman dan Bishahrin yang masing-masing dibawakan oleh Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid Al-Muhtadee Billah, para mahasiswa dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan para pelajar dari Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanal Bolkiah (SMALHB).

Tausyeh pada majlis penuh keberkatan berkenaan dibawakan oleh para pelajar daripada SMALHB, sementara pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah mengepalai bacaan Dikir Dibaie.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan bacaan Qasidah yang dibawakan oleh AJK Masjid Al-Muhtadee Billah.

Pada majlis berkenaan, bacaan Doa Dikir dikepalai oleh Imam Masjid Al-Muhtadee Billah, Awang Muhammad Arif bin Haji Johari, manakala bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam pula dibacakan oleh Bilal Masjid Al-Muhtadee Billah, Awang Muhammad Haziq bin Haji Abdul Wahab.

ANTARA yang hadir pada Majlis Silaturahim berkenaan.


 سوروهنجاۓ قرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

TATACARA MENGHADIRI

• UJIAN • TEMU DUGA • URUSAN RASMI

- 1 UJIAN ART MASIH PERLU DISEMAKOLEH PENGAWAL KESELAMATAN.**
KESAHIHAN: 3 HARI DARI TARIKH MEMUATNAIK KE DALAM BRUHEALTH
- 2 TUNJUKKAN KOD BRUHEALTH DAN ART KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN BANGUNAN. HANYA KOD HIJAU, KUNING DAN MERAH DIBENARKAN MASUK.**

- 3 BAGI YANG MEMPUNYAI KOD UNGU, HENDAKLAH MENGHUBUNGI PIHKUR USUR SETIA PEJABAT SPA MELALUI ITALIAN PERHUBUNGAN SPA**
+673 7371961 query@spa.gov.bn

- 4 HENDAKLAH MELAPOR DIRI KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN DITINGKAT ! TERLEBIH DAHULU.**

- 5 PEMAKAIAN SUNGKUP MUKA BAGI ORANG RAMAI YANG DATANG BERURUSAN KE PEJABAT ADALAH DIGALAKKAN.**
- 6 HADIR PADA TARikh DAN WAKTU YANG DITETAPKAN BAGI UJIAN ATAU TEMU DUGA.**

- 7 MESTILAH BERPAKAIAN KEMAS, SOPAN DAN MENUTUP AURAT.**

- 8 TERUS BEREDAR SETELAH SELESAI BERURUSAN.**
EXIT



TANGANI ISU KESIHATAN MENTAL BERSAMA

Siaran Akhbar : CureHeart
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Adzraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merasmikan forum berkenaan bersama Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Luke Arnold.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan dari Pengasas CureHeart, Dayang Hajah Norajleen Uminatul Hafizah binti Haji Alimas di mana beliau menjelaskan forum ini berobjektif untuk meningkatkan kesedaran dan mengurangkan stigma secara berterusan terhadap kesihatan mental selain mendidik orang ramai mengenainya serta kesan terhadap pekerja dan sesebuah organisasi, menyediakan sumber yang boleh diakses dan pelan tindakan serta sokongan komuniti kesihatan mental di NBD.

Sebanyak dua tajuk diketengahkan iaitu 'Taking the lead in Mental Health discussions in the workplace' yang menampilkan Pakar Psikologi dan Pengarah Urusan Clarity Sdn. Bhd., Todd McPherson dan Ketua Polisi Sumber Manusia, Imbuhan dan Sistem, Syarikat Brunei Shell, Dayang Hajah Erana binti Haji Abas.

Forum ini dikendalikan oleh Young Professionals Network Brunei, Dayang Siti Noraspadiyah binti Haji Mohammad Sah.

Manakala Forum Emotional Distress at the Workplace dikendalikan oleh Pengasas Curious Mind, Shaun Hoon dengan ahli panelnya terdiri daripada Pengasas CureHeart dan Kaunselor dari Clarity Sdn. Bhd., Dayang Hajah Norajleen Uminatul Hafizah binti Haji Alimas dan wakil daripada Pasukan Polis Diraja Brunei, DSP Hajah Anis@Roszaffina binti Haji Ahmad / Mohd.

Forum yang dihadiri oleh seramai 150 peserta ini membincangkan cabaran yang berkaitan dengan menangani kesihatan mental di tempat kerja sambil menawarkan pandangan dari pelan tindakan tentang cara menangani cabaran berkenaan.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa ucapan perasmianya.

Kerjasama ke arah usaha pengurangan pelepasan karbon

Siaran Akhbar : Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Oktober. - Kementerian Perdagangan, Ekonomi dan Industri Jepun (METI) dan Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam menekankan nilai-nilai bersama serta hubungan rapat dan komitmen bersama pada tindakan yang memfokuskan untuk mencapai matlamat Perjanjian Paris serta keazaman untuk terus bekerjasama, dalam usaha mencapai pelepasan sifar bersih pada masa hadapan.

Kedua-dua pihak mengiktiraf keperluan mendesak untuk menangani perubahan iklim sebagai cabaran global biasa dan semua negara mesti memainkan peranan mereka, dalam tindak balas global.

Kedua-dua pihak mengakui keperluan untuk meneroka pelbagai pilihan dan menggunakan semua bahan api serta teknologi untuk memastikan bekalan tenaga yang selamat dan stabil untuk mencapai kedua-dua matlamat, iaitu pertumbuhan ekonomi serta mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan berkongsi pandangan, bahawa tiada satu pun laluan untuk mencapai pengurangan pelepasan karbon, sebaliknya terdapat laluan yang unik dan pelbagai bagi setiap negara.

Kedua-dua pihak menekankan kepentingan hubungan tenaga yang telah lama terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun serta bersetuju untuk meneroka kemungkinan peluang, dalam usaha peralihan tenaga dan kerjasama untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala di antara kedua-dua negara.

Kedua-dua pihak juga mengiktiraf kepentingan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan serta pengurangan pelepasan gas rumah hijau dan bahawa inovasi memainkan peranan yang amat diperlukan, dalam laluan ke arah mencapai pengurangan pelepasan karbon.

Mengurangkan kos tenaga boleh diperbaharui serta sistem penyimpanan tenaga, memasang teknologi canggih dan memperkenalkan sistem sokongan untuk teknologi pengurangan pelepasan karbon, seperti sistem penyimpanan tenaga seperti bateri atau penukaran pada tenaga alternatif, seperti hidrogen, tenaga alternatif seperti hidrogen, gabungan-turbin gas kitaran (CCGT) dan CCS / CCUS akan menjadi kunci.

METI menyatakan komitmennya untuk menyokong peralihan tenaga secara menyeluruh melalui 'Asia Energy Transition Initiative (AETI)'.

Dalam hal ini, kedua-dua pihak bersetuju untuk memulakan perbincangan di peringkat kerja untuk merangka pelan hala tuju peralihan tenaga di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Institut Penyelidikan Ekonomi untuk ASEAN dan Asia Timur (ERIA) serta Institut Tenaga, Ekonomi, Jepun (IEEJ).

Kemajuan tersebut akan dilaporkan kepada menteri kedua-dua pihak apabila sesuai.

Selain itu, METI akan menyediakan pelbagai sokongan untuk merealisasikan pelan hala tuju ini, seperti pengenalan dan penyebaran teknologi pengurangan pelepasan karbon serta pembangunan sumber manusia.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada Forum Kesihatan Mental dan Kesejahteraan di Tempat Kerja yang dianjurkan oleh CureHeart sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2022 di Hotel Wafa, baru-baru ini (atas), manakala gambar bawah, forum dikendalikan oleh Young Professionals Network Brunei, Dayang Siti Noraspadiyah binti Haji Mohammad Sah.



HALUAN

Tingkatkan survival rate dalam kalangan kanak-kanak menghidap kanser

>> Muka 2

Kementerian Kesihatan berpegang teguh dalam komitmen untuk memberi rawatan yang terbaik kepada semua penghidap kanser kanak-kanak. Semua pesakit kanser kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam dirawat di Hospital RIPAS di mana terdapat wad khusus untuk pesakit kanser kanak-kanak dan protokol rawatan yang diberi mengikut piawaian antarabangsa.

Semua kanak-kanak (rakyat dan penduduk warga negara Brunei Darussalam dan PR) mempunyai akses percuma kepada rawatan kanser, dan rujukan ke luar negara di bawah tajaan Kerajaan Brunei untuk rawatan tahap maksimum yang tidak tersedia di sini seperti pemindahan *stem cell*. Proses kualiti penjagaan dipantau menggunakan KPI kecekapan dan ketepatan masa seperti

memastikan pesakit yang baru didiagnosis menerima rawatan dalam tempoh 2 minggu diagnosis dan pesakit yang dimasukkan dengan demam neutropenik menerima antibiotik dalam masa dua jam selepas tiba di hospital. Di samping itu, Pendaftaran Hospital Based Cancer Registry ditubuhkan dengan tujuan untuk menilai penjagaan kanser di hospital.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin

mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada YAYASAN Kanser Kanak-Kanak (YASKA) dan sukarelawan dari kalangan kakitangan Hospital RIPAS atas usaha dalam menjayakan majlis pada pagi ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penaja-penaja dari pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di atas sokongan berterusan kepada usaha-usaha

Kementerian Kesihatan dalam meningkatkan kualiti kehidupan dan kesihatan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Semoga segala usaha murni dan sokongan biskita semua akan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'alaa jua. Amin, Amin, Amin, Ya Rabbal Alamin.

Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TINGKATKAN HUBUNGAN DUA HALA, SAMPAIKAN MAKLUMAT TERKINI



PEGAWAI Penerangan Kanan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya selaku Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik mengetuai rombongan pada Program Sua Muka bagi Kampung Bengkuron, Sinarubai dan Burong Lepas, yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas (atas), sementara gambar kanan, Pemangku Ketua Kampung Bengkuron, Sinarubai dan Burong Lepas, Awang Haji Talib bin Haji Bakar semasa ucapan balas.

MUKIM KILANAS, Selasa, 11 Oktober. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa dan dasar kerajaan serta dalam masa yang sama untuk menerima maklumat balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Bengkuron, Sinarubai dan Burong Lepas, yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas.

Mengetuai rombongan, Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya selaku Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik.

Dalam ucapannya, beliau antara

lain menekankan mengenai tujuan utama program tersebut diadakan untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara pihak kerajaan bersama rakyat serta pemelulian pihak kerajaan terhadap kesejahteraan rakyat dan penduduk, menyampaikan maklumat-maklumat terkini (isu-isu semasa serta dasar kerajaan, di samping menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan).

Beliau juga mengongsikan mengenai penyebaran berita dan maklumat palsu di era digital yang tular dengan begitu cepat melalui pelbagai aplikasi, seperti WhatsApp, WeChat, Facebook, Twitter serta Instagram yang menyebabkan orang ramai berasa takut dan cemas.

Menurut beliau lagi, apa yang

lebih membimbangkan maklumat palsu dan berunsur fitnah itu diterima bulat-bulat tanpa merujuk pada sumber yang sah serta kemudiannya menjadi tular sehingga boleh menjelaskan keharmonian masyarakat dan keselamatan negara.

"Ini boleh membawa kepada tindakan di bawah perundangan : Penggal 148 Akta Ketenteraman Awam Seksyen 34, iaitu barang siapa sama ada melalui lisan atau tulisan atau apa cara sekalipun telah menyebarkan maklumat palsu atau membuat kenyataan palsu yang boleh menggemparkan atau menimbulkan keadaan cemas kepada pihak awam boleh didakwa dan dihukum penjara sehingga tiga tahun atau denda BND3,000," terang beliau lagi.

Beliau menambah, sesiapa sahaja melakukan atau mencuba untuk melakukan atau menyediakan atau bersubahat untuk menjalankan hasutan; menggunakan perkataan yang merupakan hasutan; mencetak, menyiarkan, menjual, menawarkan untuk menjual, mengedarkan atau mencetak semula sebarang hasutan; serta membawa masuk sebarang warta yang berbentuk hasutan, kecuali dia tidak mempunyai sangkaan, bawaha ia berbentuk hasutan, maka mereka yang melakukan kesalahan ini boleh dikenakan hukuman penjara sehingga dua tahun dan denda BND5,000, seperti yang dinyatakan pada Akta serta Penggal 24 Akta Hasutan Seksyen 4 (1).

Dayang Hajah Hamsah juga turut mengongsikan beberapa maklumat mengenai Penamatan Fasa Awal Endemik dan Pengemaskinian Garis Panduan, termasuk Kemas Kini

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



Langkah-langkah Pengawalan COVID-19 (Protokol Kesihatan) yang mula berkuat kuasa pada 15 September 2022 lalu dan Kemas Kini Langkah-langkah Pengawalan COVID-19 (Aktiviti Rentas Sempadan), yang mula berkuat kuasa pada 15 September 2022 yang meliputi aktiviti rentas sempadan laut, darat dan udara.

Turut menyampaikan taklimat ialah Jurutera Jabatan Perkhidmatan Air, Pengiran Hazman bin Pengiran Haji Duraman, antara lain menyentuh mengenai proses pembekalan air bersih dari Loji Rawatan Air Bukit Barun hingga sampai kepada pengguna.

Juga hadir menyertai rombongan, Pegawai-pejawai Kanan kerajaan yang mewakili Jabatan Hal Ehwal Masjid, Jabatan Kerja Raya, iaitu Jabatan Jalan Raya, Jabatan Saliran dan

Pembetungan serta Jabatan Perkhidmatan Air.

Program Sua Muka atau Personal Contact anjuran Jabatan Penerangan memberikan satu peluang yang berharga, di mana penduduk kampung dapat berinteraksi dengan pihak kerajaan dan mendapatkan maklumat-maklumat terkini melalui Sesi Dialog, dalam suasana yang kondusif dan harmoni, perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Ketua Kampung Bengkuron, Sinarubai dan Burong Lepas, Awang Haji Talib bin Haji Bakar, dalam ucapan balas beliau. Dalam Sesi Dialog, beberapa isu dibangkitkan oleh penduduk-penduduk kampung berkenaan, disampaikan oleh Pemangku Ketua Kampung dan diberikan penjelasan oleh Pegawai-pejawai Kanan, mewakili agensi-agensi kerajaan berkenaan.

Jabatan Penerangan terima lawatan Pusat Sejarah Brunei

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BERAKAS, Isnin, 10 Oktober. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) mengadakan Lawatan Kerja, hari ini, ke Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri di mana lawatan ini merupakan salah satu program pembangunan kapasiti bagi pegawai dan kakitangannya untuk belajar amalan-amalan terbaik agensi-agensi kerajaan yang lain dalam pengendalian dan pengurusan akhbar di Negara Brunei Darussalam.

Rombongan seramai 13 orang yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pusat berkenaan yang diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengetua II, PSB, Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat



ROMBONGAN seramai 13 orang, terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan Pusat Sejarah Brunei (PSB), diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengetua II, PSB, Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh.

Salleh dialu-alukan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Jabatan Penerangan, Dayangku Nasibahanim binti Pengiran Haji Bakar.

Dalam taklimatnya, beliau menyentuh mengenai objektif, strategik Jabatan Penerangan dalam mananai visi jabatan tersebut untuk 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat' melalui koordinasi penyebaran maklumat yang mudah difahami untuk meningkatkan kepercayaan dan keyakinan terhadap kerajaan.

Seterusnya, jangkauan maklumat yang luas, komprehensif dan strategik melalui kepelbagaiannya teknologi dan pembangunan

maklumat dasar dan aktiviti kerajaan secara efektif melalui pendekatan Whole of Government ke arah mempromosi dan menjaga nama baik Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Rombongan juga berpeluang mendengar taklimat mengenai gerak kerja Bahagian Pelita Brunei yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan di Bahagian Pelita Brunei, Awang Mohammad Rainie bin Haji Durani.

Semasa memberikan taklimat, beliau menjelaskan bahawa adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Jabatan Penerangan melalui Bahagian Pelita Brunei untuk menjadikan Pelita Brunei yang merupakan akhbar rasmi kerajaan sebagai sumber rujukan kerajaan dan orang ramai.

Di samping itu, ujar beliau, memainkan peranan penting untuk meningkatkan minat orang ramai dalam membaca akhbar tersebut sebagai usaha Whole of Nation Approach serta mereka bentuk berita-berita yang menarik dan menjadikan teknologi sebagai perkembangan dan kemajuan Pelita Brunei.

Para pegawai dan kakitangan yang mengikuti lawatan juga berkesempatan untuk melihat lebih dekat proses dan gerak kerja Pelita Brunei daripada liputan, penyuntingan dan penyemakan, reka letak dan protokol berita dan gambar.

Pelita Brunei mula diterbitkan pada 15 Februari 1956 adalah



TURUT hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini.

untuk menyampaikan maklumat mengenai rancangan dan matlamat pembangunan negara, dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan kehidupan rakyat sejagat, pengumuman-pengumuman penting serta apa jua perubahan yang berhubungan kait dengan kepentingan negara dan orang ramai.

Pelita Brunei dicetak setiap Isnin, Rabu dan Sabtu dengan cetakan sebanyak 3,000 naskhah. Sementara itu, Pelita Brunei Online boleh diakses setiap hari sejak tahun 2008 dan e-Paper Pelita Brunei mula diperkenalkan pada Julai 2016.

Di Unit Foto, mereka mendengarkan penerangan mengenai tugas dan tanggungjawab unit berkenaan dalam menerbitkan imej positif mengenai Negara Brunei Darussalam melalui perkhidmatan

fotografi kepada media dan orang ramai.

Mereka juga diberikan penerangan mengenai pendigitalan gambar dan menyaksikan kerja-kerja mengimbas negatif lama.

Rombongan juga berpeluang untuk meninjau Galeri Lentera Makmur yang telah dirasmikan pada 10 April 2021 dan merupakan nilai tambah kepada platform penyebaran maklumat yang sedia ada.

Galeri berkenaan memfokuskan kepada empat aspek iaitu Raja Kita, Strategik Bahan-Bahan Terbitan, Strategik Komunikasi Bersemuka dan Strategik Perhubungan dan Media Baharu.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini serta Pegawai-pejawai Kanan Jabatan Penerangan.

Mencintai Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SETIAP orang yang beriman dengan Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam pasti mempunyai perasaan cinta kepada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam. Walau bagaimanapun, perasaan cinta kepada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam itu berbeza di antara seseorang dengan seseorang yang lain.

Pada hakikatnya, kecintaan kepada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam itu mempunyai kaitan dengan kecintaan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana orang yang mencintai Allah Subhanahu wa Ta'ala pasti akan mentaati setiap perintah Allah Subhanahu wa Ta'ala dan antara perintah Allah Subhanahu wa Ta'ala itu ialah mencintai Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam dengan cara mentaati perintah serta menjadikan Baginda sebagai contoh dan tauladan dalam kehidupan. Oleh itu, para ulama berpendapat bahawa mencintai Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam hukumnya adalah wajib dan merupakan salah satu daripada asas-asas iman kerana cinta kepada Baginda itu diperintahkan seiring dengan perintah untuk mencintai Allah Subhanahu wa Ta'ala. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam Surah Ali 'Imran ayat 31 :

Tafsirnya : Katakanlah (wahai Nabi Muhammadi): "Jika kamu mengasihi Allah maka ikutlah aku, nescaya Allah mengasihi kamu dan mengampuni dosa-dosa kamu. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasihi".

(Surah Ali 'Imran : 31)

Mendahulukan cinta kepada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam ke atas cinta kepada sekalian makhluk juga adalah wajib. Dalam sebuah hadits daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Demi (Allah) yang jiwaku berada di dalam kekuasaanNya, tidak beriman seorang daripada kamu (dengan

iman yang sempurna) sehingga aku menjadi (orang) yang lebih dicintainya daripada bapanya dan anaknya.

(Hadits riwayat al-Bukhari)
Selain hadits di atas, terdapat satu riwayat daripada Anas bin Malik Radhiallahu 'anhu bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Tidak beriman seorang daripada kamu (dengan iman yang sempurna) sehingga aku menjadi (orang) yang lebih dicintainya daripada bapanya, anaknya dan sekalian manusia.

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Menurut Imam Ibn Hajar al-Asqalani Rahimahullah, maksud sekalian manusia dalam hadits di atas adalah juga merangkumi diri orang itu sendiri. Ini bermakna, cinta kepada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam itu hendaklah melebihi daripada cinta kepada ibu bapa, anak, seluruh manusia lainnya dan juga melebihi daripada cinta kepada dirinya sendiri. Menurut beliau lagi, maksud tidak beriman dalam hadits di atas adalah tidak sempurna imannya.

Pengarang kitab Mirqat al-Mafatih menyebut bahawa cinta kepada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam itu bukan sahaja mesti melebihi dari cinta kepada seluruh manusia, bahkan juga hendaklah melebihi daripada segala-galanya termasuk harta benda, pangkat kedudukan dan keinginan.

Khusus disebut di dalam hadits di atas bahawa kecintaan kepada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam itu hendaklah melebihi kecintaan kepada bapa dan anak, kerana bapa dan anaklah yang paling dicintai oleh seseorang berbanding harta dan ahli keluarganya yang lain, bahkan melebihi daripada kecintaannya kepada dirinya sendiri.

Cinta kepada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bukan seperti cinta kepada makhluk yang lain, bahkan ia adalah cinta yang sangat istimewa kerana cinta kepada Baginda adalah ibadah yang berkait dengan kesempurnaan iman seseorang.

Apabila iman seseorang itu sempurna, dia pasti akan mencintai Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam dan pasti akan

mendahulukan cintanya kepada Baginda itu ke atas cintanya kepada sekalian makhluk.

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam sememangnya layak dicintai dengan kecintaan yang paling tinggi kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala telah mengurniakan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam keindahan sifat zahir dan batin yang tidak ada pada orang lain. Baginda adalah insan yang sempurna dan penuh dengan ciri-ciri kemuliaan. Bagindalah yang menyelamatkan seluruh umat Baginda dengan membimbing untuk menuju jalan yang lurus dan menjauhkan daripada azab siksa api neraka. Maka selayaknyalah Baginda merupakan orang yang paling dicintai oleh setiap orang yang beriman.

Imam an-Nawawi Rahimahullah menyebut dalam kitabnya al-Minhaj bahawa mencintai Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam itu adalah dengan mentaati perintah Baginda dan tidak sekali-kali menderhakai Baginda.

Menurut al-Qadhi Iyyadh Rahimahullah bahawa mencintai Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bererti mempertahankan sunnah dan syariat yang diajarkan oleh Baginda. Mencintai Baginda juga bererti meninggikan darjah dan kedudukan Baginda daripada sekalian makhluk yang lain.

Imam Ibn Hajar al-Asqalani Rahimahullah pula menyebut bahawa termasuk juga maksud mencintai Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam itu menyuruh berbuat kebajikan dan mencegah kemungkar.

Berdasarkan penjelasan ulama di atas, orang-orang yang mentaati perintah Baginda, mempertahankan sunnah dan syariat yang diajarkan oleh Baginda, meninggikan darjah dan kedudukan Baginda daripada sekalian makhluk yang lain serta menyuruh berbuat kebajikan dan mencegah kemungkar, inilah hakikat sebenar orang-orang yang sempurna imannya.

Imam Ibn Hajar al-Asqalani Rahimahullah dalam kitabnya Fath al-Bari ada menyebut pendapat ulama bahawa mencintai Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam itu ada dua jenis iaitu fardhu dan sunat :

(i) Fardhu iaitu cinta yang membawa kepada ketaatan terhadap perintah yang wajib dan tidak melakukan maksiat dan segala perkara yang diharamkan Allah Subhanahu wa Ta'ala dan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam serta redha dan percaya dengan ketentuan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Dia juga redha dengan semua ajaran yang disampaikan oleh Baginda dan menerima dengan sepenuh hati dan dia tetap di atas landasan ajaran-ajaran Baginda.

(ii) Sunat iaitu cinta yang membawa seseorang melakukan amalan-amalan sunat dan menjauhi dari segala perkara syubhah. Cinta ini juga membawanya untuk tetap mengamalkan adab-adab, akhlak-akhlak dan perbuatan-perbuatan Baginda sama ada dalam perkara-perkara ibadah ataupun kehidupan seharian.

Orang yang paling tinggi martabat dan paling sempurna cintanya kepada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam ialah orang yang memiliki cinta yang fardhu dan sunat berbanding orang yang hanya memiliki cinta yang fardhu sahaja.

Demikian penjelasan mengenai hukum sertauraian maksud mencintai Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam.

منجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلو لأن قوسة دعوه اسلاميه

BAGI umat Islam yang celik hati nuraninya lebih-lebih lagi mereka yang bersahabat dengan Al-Quran setentunya mengetahui tentang keistimewaan dan kedudukan kitab suci Al-Quran yang di dalamnya mengandungi petunjuk, panduan dan sebagai rujukan yang mampu membimbing kita kepada jalan yang lurus dan diredayai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Namun tidak dinafikan pada zaman sekarang, terdapat segelintir daripada umat Islam yang menjauhi Al-Quran, malah mereka hidup tanpa berlandaskan ajaran-ajarannya dan menjadikan mereka jauh menyimpang dari fahaman agama yang sebenar.

Semua ini berpuncak daripada kurangnya penghayatan terhadap ajaran-ajaran yang terdapat di dalam Al-Quran. Pada mereka Al-Quran hanyalah sebuah kitab agama semata-mata, padahal mereka tidak mengetahui atau sengaja tidak ambil peduli bahawa Al-Quran merupakan sumber bagi segala ilmu dan maklumat yang boleh menjelaskan segala permasalahan dan kekeliruan sama ada perkara yang berhubung kait dengan kehidupan di dunia maupun di akhirat.

Dengan mendampingi Al-Quran sudah pasti dapat memberikan manfaat dan syafaat yang sangat besar ke atas umat Islam. Oleh itu, bagi sesiapa yang melupakannya, menjauhkan diri dari fungsi dan manfaatnya, tidak menghormati kedudukannya sebagai

Akibat menjauhi Al-Quran

sumber yang teragung, maka amatlah rugi bagi dirinya. Akibatnya, akan mendatangkan berbagai akibat buruk yang menjurus kepada kebinasaan seperti yang disebutkan dalam Al-Quran itu sendiri, antaranya ialah menjadikan kehidupan sempit di dunia dan akhirat. Di dalam dunia ini setiap manusia mempunyai pegangan, pendirian, kepercayaan, pemikiran dan pandangan mereka yang tersendiri. Namun, bagi kita umat Islam hendaklah semuanya itu berlandaskan syariat Islam iaitu yang bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah.

Kitab Al-Quran mengandungi ajaran-ajaran dan panduan-panduan yang sentiasa menjelaskan dan menunjukkan ke arah yang baik dan diredai Allah Subhanahu Wata'ala. Maka tanpanya kehidupan umat Islam akan menjadi sempit bukan sahaja bagi kehidupannya di dunia, malahan juga kehidupannya di akhirat.

Oleh itu, pilihan terletak kepada diri individu itu sendiri, siapa yang terpaut hatinya pada ayat-ayat Al-Quran dan sentiasa ingin mendampinginya serta menjadikannya sebagai cara hidup sudah pasti hidupnya akan tenang, selamat di dunia dan di akhirat. Namun, bagi sesiapa yang menjauhkan diri mereka dari petunjuk Allah serta hatinya tetap berkeras berada di atas jalan kesesatan, maka sebenarnya ia telah memilih kesengsaraan dan kebinasaan bagi hidupnya bukan sahaja di dunia malahan juga di akhirat kelak.

Imam At-Tirmidzi telah meriwayatkan dalam sebuah hadis daripada Ibnu 'Abbas Radhiallahu 'anhumu daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang

bermaksud : "Sesungguhnya orang yang tiada apa-apa di dalam dadanya sedikit pun daripada Al-Quran adalah seumpama rumah buruk yang binasa (tidak berhias)".

Seterusnya syaitan akan menjadikan peneman bagi mereka yang menjauhi Al-Quran dan akan menyesatkan kehidupan mereka. Umat Islam yang menjauhkan diri mereka dari cahya dan petunjuk Al-Quran, maka hidup mereka pasti di dalam kegelapan dan kejahilan. Apabila mereka berada dalam keadaan jahil, maka akan memudahkan syaitan menjadi peneman mereka, lalu menyesatkan mereka dengan tipu dayanya, sekali gus ia akan berusaha untuk mengkafirkkan mereka dan menjadikan mereka orang-orang Musyrik yang akhirnya menjadi penghuni neraka.

Sebab itulah tanpa ilmu agama yang betul yang bersumberkan daripada Al-Quran dan As-Sunnah, maka mudahlah bagi syaitan mencapai matlamatnya dengan melakukan tipu daya dan perbuatan yang sebenarnya adalah mungkar. Sesungguhnya tipu daya syaitan ini telah dilaksanakannya sejak daripada awal generasi umat manusia dan ia tidak akan berhenti sehingga ke akhir zaman.

Firman Allah dalam Surah An-Nahl, ayat 63 yang mafhumnya : "Sesungguhnya Kami telah mengutus (rasul-rasul) kepada umat-umat sebelummu (wahai Nabi Muhammad) tetapi syaitan memperhiaskan (dan menjadikan indah) kepada mereka perbuatan (buruk) mereka itu maka ia (syaitan) menjadi pemimpin mereka pada hari ini (di dunia) dan mereka mendapat azab yang pedih (di akhirat)".



IRSYAD HUKUM

جَاهَتْ مِنْهُ كَلْجَانْ

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

wasallam itu ada dua jenis iaitu fardhu dan sunat :

(i) Fardhu iaitu cinta yang membawa kepada ketaatan terhadap perintah yang wajib dan tidak melakukan maksiat dan segala perkara yang diharamkan Allah Subhanahu wa Ta'ala dan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam serta redha dan percaya dengan ketentuan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Dia juga redha dengan semua ajaran yang disampaikan oleh Baginda dan menerima dengan sepenuh hati dan dia tetap di atas landasan ajaran-ajaran Baginda.

(ii) Sunat iaitu cinta yang membawa seseorang melakukan amalan-amalan sunat dan menjauhi dari segala perkara syubhah. Cinta ini juga membawanya untuk tetap mengamalkan adab-adab, akhlak-akhlak dan perbuatan-perbuatan Baginda sama ada dalam perkara-perkara ibadah ataupun kehidupan seharian.

Orang yang paling tinggi martabat dan paling sempurna cintanya kepada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam ialah orang yang memiliki cinta yang fardhu dan sunat berbanding orang yang hanya memiliki cinta yang fardhu sahaja.

Demikian penjelasan mengenai hukum sertauraian maksud mencintai Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam.

Umat Islam yang sengaja tidak mahu mendampingi malah menjauhi Al-Quran sebenarnya tergolong di kalangan mereka yang rugi kerana tidak memperoleh hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Keenggan dan kesombongan mereka untuk mengikuti perintah dan hukum Allah akan menjerumuskan mereka ke kancan kebinasaan dan kesengsaraan.

Barangsiapa yang kehidupannya tidak berpegang teguh dengan ajaran yang terdapat di dalam Al-Quran, di Hari Kiamat kelak akan dibangkitkan dalam keadaan buta dan dimasukkan ke dalam neraka, kerana itulah Allah menurunkan Al-Quran agar manusia menjadikannya *manhajul hayah* (konsep dalam kehidupan dunia) agar mereka mendapat keredaan dan keberkatan-Nya di dunia dan di akhirat kelak mendapat balasan syurga.

Allah berfirman dalam Surah Thaha, ayat 124-127 yang mafhumnya : "Dan sesiapa yang berpaling daripada peringatan-Ku (petunjuk-Ku) maka sesungguhnya baginya kehidupan yang sempit (di dunia) dan Kami akan menghimpunkannya pada Hari Kiamat dalam keadaan buta. Dia berkata : Ya Tuhan, mengapa Engku himpulkan aku dalam keadaan buta, padahal aku dahulu (di dunia) dapat melihat? Allah berfirman : Demikianlah telah datang kepadamu ayat-ayat keterangan Kami maka engku melupakannya, dan demikianlah (pula) pada hari ini engku dilupakan. Dan demikianlah Kami membalsas sesiapa yang lempau batas dan tidak beriman kepada ayat-ayat keterangan Tuhan. Dan sesungguhnya azab akhirat itu lebih berat dan lebih kekal".

BENGKEL SNTIK SEMANGAT PENULIS MUDA



BENGKEL dibimbing oleh Haji Jawawi bin Haji Ahmad atau nama penanya HJR, yang merupakan Ketua II Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI).

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Isnin, 10 Oktober. - Bengkel Penulisan Sajak di bawah Program Penulis Muda 2022 dihasratkan dapat menyuntik semangat penulis khususnya penulis muda dalam menerokai proses penulisan kreatif,

khususnya penulisan Sajak.

Sehubungan itu, majlis pembukaan bengkel tersebut telah berlangsung di Balai Sarmayuda Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Berakas, di sini.

Majlis dimulakan dengan ucapan

alu-aluan daripada Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin, selaku Pengurus dan Pengasas Program Penulis Muda.

Beliau dalam ucapannya antara lain mengongsikan jumlah penyertaan dalam Program Penulis Muda dengan empat genre, iaitu

Bengkel Penulisan Sajak, Cerpen, Novel dan Drama telah mencapai 171 penyertaan.

Menurutnya, terdapat beberapa alumni program tersebut berjaya menghasilkan karya sendiri yang diterbitkan dalam bentuk terbitan DBP Brunei dan juga penerbitan sendiri, begitu juga alumni yang berjaya memenangi beberapa peraduan penulisan Sastera baik dalam negara maupun luar negara.

"Selaras dengan objektif program iaitu memberi dorongan dan sokongan berterusan kepada penulis muda dalam menghasilkan karya Sastera yang berkualiti, satu ruang khas penulisan Sastera diwujudkan dalam majalah Bahana DBP sejak tahun 2010, yang mengkhususkan kepada karya penulis muda iaitu ruangan Suara Penulis Muda, bagi menampung atau menyalurkan dan membentuk kelangsungan hasil karya penulis muda," tambahnya.

Bengkel selama tiga hari tersebut merupakan anjuran DBP melalui Bahagian Sastera dan Majalah sebagai kegiatan tahunan peremajaan bakat Sastera secara berasas dan berkesinambungan dalam melahirkan dan mengasah bakat-bakat penulis muda yang dinamik, agresif dan kreatif sebagai usaha mengangkat



PEMANGKU Timbalan Pengarah DBP, Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin, selaku Pengurus dan Pengasas Program Penulis Muda dalam ucapan alu-aluannya.

sastera sebagai budaya tinggi.

Bengkel dibimbing oleh Haji Jawawi bin Haji Ahmad atau nama penanya HJR, yang merupakan Ketua II Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI).

Para peserta bengkel adalah terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah dan Institusi Pengajian Tinggi, serta pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



MINDA PEMBACA

Terapkan sikap jujur, amanah dalam bermiaga

PERNIAGAAN ialah aktiviti yang melibatkan urus niaga jual beli barang atau perkhidmatan antara pihak penjual dan pembeli bagi memenuhi keperluan mahupun kehendak pengguna dan melibatkan pertukaran nilai bagi mendapatkan keuntungan. Agama Islam mengambil berat hal ehwal muamalat dalam kalangan umatnya dan menegah dengan keras dari melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak jujur dan amanah dalam perniagaan.

Ketika dunia global termasuk Negara Brunei Darussalam masih di bawah ancaman virus COVID-19, salah satu langkah yang terbaik untuk mencegah jangkitan secara kontak fizikal adalah

dengan melakukan perniagaan dalam talian. Bahkan, ia juga memudahkan proses jual beli. Walau bagaimanapun, sesetengah peniaga menyalahgunakan kaedah penjualan dalam talian ini, di mana ada yang melakukan penipuan semata-mata ingin mendapatkan wang pembeli. Kes-kes sebegini juga telah banyak terjadi di negara ini.

Sifat jujur dan amanah dalam setiap pekerjaan terutama sekali dalam perniagaan adalah sangat penting kerana sifat-sifat tersebut dapat memelihara diri daripada melakukan perkara-perkara yang mungkar dan berdosa. Rezeki yang baik dan halal itu boleh tercemar dan menjadi haram jika kita tidak menerapkan sikap jujur dan

amanah terutamanya dalam bermiaga.

Di dalam dunia perniagaan, contoh peniaga terbaik yang ideal kepada kita semua ialah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda juga merupakan seorang usahawan dan ahli perniagaan yang hebat dan berjaya. Antara prinsip dan etika yang diamalkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah bersikap jujur dan amanah dalam bermiaga. Oleh yang demikian, Baginda telah memperoleh hasil keuntungan yang besar dan berlipat ganda semasa baginda menjalankan dagangan Khadijah Radiallahuanha.

Melalui amalan kejujuran dan amanah dalam perniagaan akan melahirkan masyarakat harmoni dan

sejahtera serta bertimbang rasa. Seterusnya, akan menghindarkan penipuan dan perbalahan antara penjual dan pembeli berkaitan dengan harga dan juga barang yang dijual. Dalam melakukan setiap pekerjaan terutama sekali dalam perniagaan, kita mestilah mempunyai niat yang betul iaitu untuk mencari keredaan Allah Ta'ala. Dengan niat yang tepat, setiap pekerjaan yang dilakukan akan menjadi satu ibadah serta mendapat ganjaran di dunia dan akhirat.

Nama: Muhammad Rahmat bin Roslan
No. K/P : 01-107XXX (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'. Tarikh Tutup : 12 Oktober 2022
2. 'Cintai dan Hargai Kehijauan Hutan'. Tarikh Tutup : 19 Oktober 2022
3. 'Lazimi Zikir Dalam Kehidupan Seharian'. Tarikh Tutup : 26 Oktober 2022

Termasuk Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

دعاۓ موهن ڪڻد اللہ سقائی ٿر سلامة
در ڦد بلاء دان سکل جئیں ڦپا ڪیت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ كَالِيٌّ ۝

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاوَاتِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ كَالِمٌ ۝

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنفُسِنَا .

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاوَاتِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْبِعِهِ دَآءَةً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ
أَخْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمَنْ سَيِّئَ
آلَّا سُقَامٌ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنْنَا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَلْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغِعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ 3 كالي ۝

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَصَاحِبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu ‘alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah,

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذْنَا مُحَمَّدًا سِنَةً وَلَا نُوْمًا لَمَّا مَاتَ فَالسَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَلِكَ الَّذِي يَشْفَعُ عِنْهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يَجِدُهُمْ بِئْشَىٰ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيَهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حَفَظَهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٦٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَّاهَ كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلَّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتُنْفَرِجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُنْقَضِي بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَخُسْنُ الْحَوَالَاتِ، وَيُسْتَسْقَى بِالْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engku limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِدَنِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engku. Engku telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejadian yang ku lakukan. Aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engku".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْرُ بِچاءِنْ يَعْمَلُوا كَبِراً وَنَتوَعْنُ سَاعَتْ بَسْرَ كَفْدَ قَعْمَلَنْ (تَولُقَ بَلَاءَ)

(3) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنَعْمَ الوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَمِّيٌّ يَا قَيُومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4)

وَأَفْوَضُ أَمْرِيٍّ إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



NOTIS JUALAN BESI BURUK DAN BARANG GUNA HABIS

Tawaran		Tarikh Tutup Menghantar Borang Tawaran Ke Dalam Peti Tawaran (Tidak Dibenarkan Mengambil Borang Tawaran)
Tarikh Mula	Tarikh Melihat, Mengambil Dan Menghantar Borang Tawaran (Waktu Bekerja)	
15/10/2022 (Sabtu)	15/10/2022 (Sabtu) - 19/10/22 (Rabu)	
	Isnin - Khamis	Pagi : 8.30 - 11.30 Pagi
		Petang : 1.30 - 3.00
	Sabtu	Pagi : 8.30 - 11.30 Pagi
		Petang : Tutup
20/10/2022		
		Sebelum Jam 9.00 Pagi (Khamis) (Membuka Peti Tawaran)

Lot	Keterangan	Bertempat
1	Peralatan Elektrik, Kenderaan, Perabot Pejabat Dan Besi - Besi Yang Terpakai	Kawasan Tempat Penyimpanan Besi Buruk Kerajaan, J.K.R Sinarubai

Jabatan / Kementerian	No. Rujukan Kebenaran Kewangan	Tarikh Kebenaran Kewangan
Jabatan Tenaga	KKW/ADM/KEM/1A	12 Disember 2020 Bersamaan 26 Rabiulakhir 1442
Jabatan Perkhidmatan Elektrik	KKW/ADM/JBT/11	14 Februari 2015 Bersamaan 14 Rabiulakhir 1435

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas :
III & IV SAHAJA

Kategori :
KA01 & M03 SAHAJA (Kod baharu)

Bilangan :
JKR / DBSKB 007 / 2022

Nama Projek :
KONTRAK PENGGAL BAGI OPERASI DAN PENYELENGGARAAN STESEN PAM PEMBETUNGAN (STESTEN PAM UTAMA DAN STESEN PAM SUBSIDIARI) DI DAERAH BELAIT BAGI TEMPOH 3 TAHUN.

No. Projek :
2022ADKB / B00411 / 002-003-003

Yuran Tawaran :
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Kelas :
III & IV SAHAJA

Kategori :

KA01 & M03 SAHAJA (Kod Baharu)
Bilangan :
JKR / DBSKB 008 / 2022

Nama Projek :
KONTRAK PENGGAL BAGI OPERASI DAN PENYELENGGARAAN SISTEM VAKUM PEMBETUNGAN DI KAMPUNG LUMUT BAGI TEMPOH 3 TAHUN

No. Projek :
2022 / ADKB / B00411 / 002-003-004

Yuran Tawaran :
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 25 Oktober 2022

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 8 November 2022, Tidak lewat jam 2.00 Petang

JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0024 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
'To Design, Print And Deliver Posters For Exhibition Booths During Hari Peladang, Penternak, Petani Dan Nelayan 2022'

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 20 Oktober 2022, Jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	KEMENTERIAN HAL EHWA UGAMA
<p>DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM</p> <p>Kelas : III & IV SAHAJA</p> <p>Kategori : KA01 & M03 SAHAJA (Kod baharu)</p> <p>Bilangan : JKR / DBSKB 007 / 2022</p> <p>Nama Projek : KONTRAK PENGGAL BAGI OPERASI DAN PENYELENGGARAAN STESEN PAM PEMBETUNGAN (STESTEN PAM UTAMA DAN STESEN PAM SUBSIDIARI) DI DAERAH BELAIT BAGI TEMPOH 3 TAHUN.</p> <p>No. Projek : 2022ADKB / B00411 / 002-003-003</p> <p>Yuran Tawaran : BND50.00 (Tidak dikembalikan)</p> <p>Kelas : III & IV SAHAJA</p> <p>Kategori :</p>	<p>BAHAGIAN BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN KEMENTERIAN HAL EHWA UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM</p> <p>Bilangan Tawaran : KHEU / BDP / 164 / 147 / 2022</p> <p>Tajuk Tawaran : Term Contract (12 Months) For Maintenance Of Landscaping And Grasscutting Works To Kementerian Hal Ehwal Ugama Both Building Compound, Negara Brunei Darussalam</p> <p>Bayaran Yuran Tawaran : BND5.00 (Tidak dikembalikan)</p> <p>Tarikh Tutup Tawaran : Rabu, 26 Oktober 2022, Jam 2.00 Petang</p>

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBEKAL - PEMBEKAL YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas :
VI SAHAJA

Kategori :
KA01, B01, P05, KPB04 SAHAJA

Bilangan Tawaran :
JKR / DWS / 028 / 2022

Nama Projek :
MENAIK TARAF LOJI RAWATAN AGIS-AGIS, DAERAH BELAIT

Tarikh Akhir Mengambil

JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JDB / BMP / 5.1 / C

Tajuk Tawaran :
TAWARAN BAGI RUANG KEDAI NO.2, DEWAN KEMASYARAKATAN KAMPUNG PANDAN, KUALA BELAIT.



Dokumen Tawaran :
Selasa, 18 Oktober 2022

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 1 November 2022, Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND5,000.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00

KEMENTERIAN HAL EHWA
UGAMA

BAHAGIAN BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN KEMENTERIAN HAL EHWA UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Tawaran :
KHEU / BDP / 164 / 147 / 2022

Tajuk Tawaran :
Term Contract (12 Months) For Maintenance Of Landscaping And Grasscutting Works To Kementerian Hal Ehwal Ugama Both Building Compound, Negara Brunei Darussalam

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu, 26 Oktober 2022, Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN HAL EHWA
UGAMA

Bilangan Sebut Harga :
75 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2022

Tajuk Sebut Harga :
THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, CONFIGURATION, TESTING, COMMISSIONING, TRAINING, WARRANTY AND SUPPORT SERVICES FOR KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN DATA CENTER NETWORK CORE SWITCH

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu, 26 Oktober 2022, Jam 2.00 Petang




PEMBERITAHUAN TAWARAN

Bilangan Tawaran :
KK / 258 / 2022 / ESTETRIPASH

Tajuk Tawaran :
REPAIR WORKS FOR
WARD 25,
RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA (RIPAS) HOSPITAL

**Kelayakan Pemborong /
Pembekal :**
Berdafat dengan Kementerian
Pembangunan atau
Kementerian Kesihatan

Kelas : II

Kategori :


NOTIS SEBUT HARGA

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 118 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION AND
CONFIGURATION OF SET
DESIGN WORKSTATIONS
(PHASE 2)

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 119 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
TERM CONTRACT OF TWELVE



Bilangan Tawaran :
JKBD / 2020 / SH-31(R)

Tajuk Tawaran :
'The Refurbishment Of Staff
Room And Meeting Room At
Meteorological Forecasting
Services Unit, Operational'



Bilangan Tawaran :
2 / OKTOBER / KKBS / BKBN /
1.41 / 22

Tajuk Tawaran :
PEMBEKALAN SERTA
PENGHANTARAN PELBAGAI
PAKAIAN PROGRAM
KHIDMAT BAKTI
NEGARA (PKBN)
PENGAMBILAN KE-11

KA01 dan B01 Bayaran Yuran Tawaran : BND30.00 (Tidak dikembalikan) Bilangan Tawaran : PHARM / 264 / 2022 Tajuk Tawaran : THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES MINISTRY OF HEALTH Bayaran Yuran Tawaran : BND10.00 (Tidak dikembalikan) Bilangan Tawaran : PHARM / 265 / 2022 Tajuk Tawaran : THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF	PHARMACEUTICAL SERVICES MINISTRY OF HEALTH Bayaran Yuran Tawaran : BND50.00 (Tidak dikembalikan) Tarikh Tutup Tawaran : Selasa, 25 Oktober 2022, Jam 2.00 Petang 
--	--

(12) MONTHS PERIOD TOWING SERVICES FOR ALL RTB VEHICLES Bayaran Sebut Harga : BND5.00 (Tidak dikembalikan) Tarikh Tutup : Rabu, 19 Oktober 2022, Jam 2.00 Petang 	JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI Bilangan Sebut Harga : RTB / K / 120 / 22 - 23 Tajuk Sebut Harga : TERM CONTRACT OF TWELVE (12) MONTHS PERIOD FOR MAINTENANCE OF RTB VEHICLES - MITSUBISHI PAJERO (V32, V34, V76 & V96) & LANCER WAGON (CB4) Yuran Sebut Harga : BND5.00 (Tidak dikembalikan) Tarikh Tutup : Rabu, 19 Oktober 2022, Jam 2.00 Petang 
---	--

JABATAN KAJICUACA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  Bilangan Tawaran : JKBD / 2020 / SH-31(R) Tajuk Tawaran : 'The Refurbishment Of Staff Room And Meeting Room At Meteorological Forecasting Services Unit, Operational'	Meteorological Section, BIA' Tarikh Tutup : Rabu, 26 Oktober 2022 
--	---

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  Bilangan Tawaran : 2 / OKTOBER / KKBS / BKBN / 1.41 / 22 Tajuk Tawaran : PEMBEKALAN SERTA PENGHANTARAN PELBAGAI PAKAIAN PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN) PENGAMBILAN KE-11	Tarikh Tutup Tawaran : Selasa, 18 Oktober 2022, Tidak lewat jam 2.00 Petang 
---	---

**PHARMACEUTICAL SERVICES
MINISTRY OF HEALTH**

Bayaran Yuran Tawaran :
 BND50.00
 (Tidak dikembalikan)
Tarikh Tutup Tawaran :
 Selasa,
 25 Oktober 2022,
 Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA**
Bilangan Sebut Harga :
 KHEU / JPI / JKS / 20 /
 2022-2023

Tajuk Sebut Harga :
 Membekal, Menyediakan
 Dan Mengemas Jamuan Bagi
 Majlis Khatam Al-Quran
 Sekolah Ugama Arab Menengah
 Perempuan Raja Isteri Pengiran
 Anak Hajah Saleha, Katok,
 Jabatan Pengajian Islam,
 Kementerian Hal
 Ehwal Ugama,
 Tahun 1443H-1444H /
 2022M-2023M

Yuran Tawaran :
 BND5.00
 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
 Rabu, 30 Rabiulawal 1444H /
 26 Oktober 2022M,
 Tidak lewat jam
 2.00 Petang



**Sebut Harga Rancangan
Pemakanan Sekolah**

Bilangan Sebut Harga :
 DA / JKSH / 174 / 2022 / 2023
 [BPPA-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga :
 Sebut Harga Membekal Dan
 Menghantar Keperluan
 Rancangan Pemakanan
 Sekolah Bahagian Skim
 Minum Bagi :
 Sekolah Rendah Serasa, Muara
 Daerah Brunei Muara,
 Kementerian Pendidikan
 Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
 Kod Blok : SM/12

Yuran Sebut Harga :
 BND5.00
 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
 Sabtu, 22 Oktober 2022
 (Tidak dikembalikan)


**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)**


IKLAN dalam salinan liut (soft copy)
 hendaklah dihantar dan diterima oleh
 Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2)
 minggu sebelum tarikh iklan
 dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
 dibaca juga menggunakan Microsoft
 Word dengan Font ARIAL saiz 12.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang
 berkaitan dan nyatakan
 apa-apa keperluan iklan berkenaan,
 seperti tarikh dijangka terbit,
 kekerapan terbitan untuk diiklankan
 dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
 dihantar melalui :

E-MEL :
iklan.pbe@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNG :
+673 8622969

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
 DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNG
 MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



Bilangan Tawaran :
HMSF / TDR / 13 / 2021

Tajuk Projek :
TO SUPPLY, DELIVER, INSTALL,
CONFIGURE, TESTING
AND COMMISSION OF IP
BASED PBX TELEPHONE
SYSTEM AND IP BASED
PUBLIC ADDRESS (PA)
SYSTEM WITH MAINTENANCE
PROGRAM FOR HIS MAJESTY
THE SULTAN'S FLIGHT.

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat Isnin,
14 November 2022,
Jam 2.00 Petang



No. Tender :
HMSF / TDR / 1 / 2022

Tajuk Projek :
THE SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION,
COMMISSIONING, OPERATION,
MAINTENANCE AND UPGRADE
OF EXISTING IT SYSTEM
(TECH REFRESH) WITH
RELATED HARDWARE,
APPLICATION AND NETWORK
INFRASTRUCTURE SERVICES
FOR HIS MAJESTY THE
SULTAN'S FLIGHT, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh Tutup Tawaran :
Isnin,
14 November 2022,
Tidak lewat jam
2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas :
III, IV & V SAHAJA

Kategori :
KA01, M03 & P05 SAHAJA

Bilangan Tawaran :
JKR / DWS / 026 / 2022

Nama Projek :
KONTRAK PENGGAL
BAGI KERJA-KERJA
OPERASI DAN
PEMELIHARAAN LOJI
RAWATAN
AIR MENGKUBAU (2023-2025)

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
26 September 2022

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
18 Oktober 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas :
II SAHAJA

Kategori :
KA01 SAHAJA

Bilangan Tawaran :
JKR / DWS / 023 / 2022

Nama Projek :
SIASATAN 'NON-REVENUE
WATER' DAN AKTIVITI
BERKAITAN BAGI DMAS
TERPILIH DI DAERAH BRUNEI
MUARA (FASA SEMENTARA)

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
26 September 2022

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 18 Oktober 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas :
PEMBEKAL YANG
DILULUSKAN SAHAJA

Kategori :
PS02 SAHAJA

Bilangan Tawaran :
JKR / DWS / 024 / 2022

Nama Projek :
MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR CECAIR
KLORIN (100 KG PER
SILINDER) KE LOJI RAWATAN
AIR BATANG DURI DAN
SUMBILING (2023-2025)

Kelas :
II SAHAJA

Kategori :



KA01 & S02 SAHAJA


Bilangan Tawaran :
JKR / DWS / 025 / 2022

Nama Projek :
KONTRAK PENGGAL
PERKHIDMATAN
PENYELENGGARAAN STOR
KIMIA SINARUBAI, JABATAN
PERKHIDMATAN AIR
(2023-2026)

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
26 September 2022

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 18 Oktober 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



KEMENTERIAN
PERTAHANAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN

No. Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2022 / MAB /
TA / 04

Tajuk Tawaran :
PEMBELIAN DAN
PEMASANGAN PENETRATION
TESTING PLATFORM
APPLIANCES

Bayaran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

No. Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2022 / MAB /
TA / 06

Tajuk Tawaran :
PEMBELIAN DAN
PEMASANGAN PERISIAN
HELPDESK TICKETING
SYSTEM



Bayaran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

No. Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2022 / MAB /
TA / 07

Tajuk Tawaran :
PEMBELIAN DAN
PEMASANGAN PERALATAN
NETWORK FIREWALL

Bayaran Tawaran :
BND130.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 18 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang



Tajuk Tawaran 1 :

Repair works on engine and
repair suspension parts for
Mitsubishi L200 BG 2213 (CC.1)
AME / 2022-2023 / SH-78
(Kelas II dan Ke Atas)

Tajuk Tawaran 2 :

Term contractor for 3 months in
maintenance Of Airfield Ground
Lighting At Brunei International
Airport
AME / 2022-2023 / SH-87
(Kelas V dan Ke Atas)

Tarikh iklan / mengambil

dokumen Sebut Harga :
Sabtu, 17 September 2022

Tarikh terakhir mengambil
dokumen Sebut Harga :
Selasa,
18 Oktober 2022

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
19 Oktober 2022,
Tidak lewat jam
2.00 Petang

BANDAR SERI BEGAWAN

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
13 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JBBSB / SH / 2022-2023 / 29 /
UPA

Tajuk Tawaran :
REQUEST FOR PROPOSAL
PENGURUSAN DAN
PENGENDALIAN TAPAK LETAK
KERETA JALAN BENDAHARA
DAN ACARA SEPANJANG
TAHUN DI KAWASAN
PUSAT



BILIF BINA RANGKAIAN PROFESIONAL SUMBER TENAGA MANUSIA



BRUNEI Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) semasa menganjurkan acara HR Retreat di Bangunan ILIA, Universiti Brunei Darussalam.

Siaran Akbar dan Foto : Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Oktober. - Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) telah menganjurkan acara HR Retreat pada Rabu, 2 Rabuulawal 1444H bersamaan dengan 28 September 2022M, bertempat di Bangunan ILIA, Universiti Brunei Darussalam.

Acara berkenaan telah dihadiri oleh profesional sumber tenaga manusia daripada pihak berkepentingan BILIF di institusi-institusi kewangan.

Objektif acara berkenaan antara lain adalah untuk terus mengukuhkan lagi hubungan antara BILIF dengan pelbagai pihak berkepentingannya, serta menjadi platform bagi profesional sumber tenaga manusia untuk membina rangkaian dan bertukar-pandangan antara satu sama yang lain.

Antara topik yang dibincangkan adalah pengurusan kemahiran sumber tenaga kerja pelbagai generasi, pengekalan Gen Z dan

perspektif tanggapan generasi baharu terhadap organisasi.

Acara dimulakan dengan pembentangan bertajuk 'Global HR Challenges: New General Expectations & Challenges', diikuti dengan perbincangan mengenai topik 'Uncovering Hidden Needs' yang telah disampaikan oleh penceramah, Master Trainer, Fasilitator Latihan, Assessor dan Jurulatih dari Malaysia, Karen Ong.

Acara diteruskan lagi dengan sesi bersemuka secara persendirian yang bertujuan untuk memberi peluang kepada para



peserta mendapatkan pandangan dan membincangkan cabaran yang mereka hadapi di tempat kerja mereka dengan lebih mendalam.

BILIF merupakan Pusat Kecemerlangan kepada institusi kewangan di bawah Brunei Darussalam Central Bank (BDCB).

BILIF menawarkan program

pembelajaran dan latihan berkualiti tinggi serta menganjurkan pelbagai seminar khas dan acara kolaborasi dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan.

Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman sesawang BILIF di www.bilif.com.bn atau akaun Instagram @BILIF.bn.

Program Brunei Darussalam Berselawat buka tirai



PROGRAM Brunei Berselawat yang diadakan secara maya melalui aplikasi Zoom.

Siaran Akbar dan Foto : Kelab Komuniti Belia Transformasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Oktober. - Majlis Selawat dan Doa Munajat adalah salah satu perisian aktiviti di dalam Program Brunei Darussalam Berselawat 1444 Hijrah / 2022 Masihi, yang merupakan kesinambungan kepada program-program yang diadakan sebelum ini iaitu Program Brunei Berselawat 1443H / 2021M dan Program Kenali dan Cintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam 1442H / 2020M.

Program bagi tahun ini mengandungi beberapa aktiviti yang dilaksanakan secara maya dan fizikal.

Pelaksanaan aktiviti yang

diungkayahkan oleh Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT) ini turut dijayakan bersama Al-Busyra Enterprise, Belia Masjid Syababussalam Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan dan Kumpulan Firqaq Al-Husni yang disertai lebih 85 penyertaan yang terdiri dari pelbagai peringkat masyarakat Islam di negara ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Biro Keagamaan KKBT, Awang Adi Hamdi bin Haji Aminuddin.

Seterusnya bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Al-Fath

(ayat 1 hingga 3), Surah At-Taubah (ayat 128 dan 129), Surah Al-Ahzab (ayat 56) serta Selawat Ibrahimiyah dipimpin oleh Awang Abdul Aziz bin Noor Nasran wakil Belia Syababussalam.

Para jemaah juga dipimpin dengan bacaan Selawat Jibril sebanyak 100 kali dan Selawat Nuril Mubin sebanyak 50 kali oleh Awang Ahmad Izzat Mu'izuddin bin Haji Masli dari Kumpulan Belia Firqaq Al-Husni, yang juga disusuli dengan bacaan Doa Munajat secara persendirian dan berkumpulan yang dipimpin oleh Awang Adi Hamdi bin Haji Aminuddin.

Turut serta pada program tersebut, Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan

bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin serta pemimpin-pemimpin dari organisasi belia, kampung Syababussalam.

Berselawat akan diteruskan lagi dengan Majlis Zikir Rattib Al-Attas pada Rabu, 12 Oktober 2022, jam 8.30 malam secara maya melalui aplikasi Zoom.

Manakala Majlis Selawat Perdana akan diadakan pada Jumaat, 21 Oktober 2022 bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, jam 6.00 petang.

Untuk sebarang keterangan lanjut dan kemas kini mengenai program, bolehlah terus menghubungi setiausaha program menerusi talian +673 726 2357 atau melalui media sosial Instagram@kkbt_birokeagamaan.

Program Brunei Darussalam

TATACARA
Mendaftar Profil PSCR 2.0

- Layari laman sesawang PSCR 2.0 di WWW.RECRUITMENT.GOV.BN dan klik LOG MASUK
- Log masuk menggunakan akaun e-darussalam
- Cipta PSC TOKEN awda bagi tujuan keselamatan dan pastikan klik SIMPAN
- Klik Dashboard Saya dan Kemaskini profil awda sehingga indikasi dashboard bar menunjukkan 100%

BEKALAN STOK DARAH DIPERLUKAN

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Oktober. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa Pusat Pendermaan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Jabatan Perkhidmatan Makmal pada ketika ini masih kekurangan bekalan semua jenis darah.

Oleh itu, bantuan orang ramai adalah sangat diharapkan dalam sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Orang ramai yang ingin menderma darah bolehlah berkunjung terus ke Pusat Pendermaan Darah bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan jam 1.30 petang hingga 3.30 petang pada hari-hari bekerja sahaja.

Pusat Pendermaan Darah juga akan mengadakan Kempen Derma Darah seperti yang dijadualkan dan kempen-kempen berikut adalah dibuka bagi penyertaan orang ramai.

Kempen-kempen Derma Darah tersebut akan diadakan di Atrium, One City Shopping Complex, Sungai Hanching anjuran SC Tubular Solutions (B) Sdn. Bhd. pada Rabu, 12 Oktober 2022 bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Kemudian, pada Sabtu, 15 Oktober 2022, di Balai Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei anjuran Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Seterusnya, Kempen Derma Darah akan diadakan di Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS anjuran Persatuan Myanmar bermula jam 7.30 malam hingga 9.00 malam.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah tersebut adalah sangat digalakkan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Pendermaan Darah menerusi talian +673 2242424 sambungan 5745 / 6001 / 6002 atau WhatsApp +673 8775745 / +673 7375745 / +673 7175745 atau e-mel kepada bloodbank@moh.gov.bn dan ikuti Pusat Pendermaan Darah di Instagram dan Facebook, @bloodbank.ridas.

TARIKH & MASA	TEMPAT
Rabu, 12 Oktober 2022 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Atrium, OneCity Shopping Complex, Sg Hanching Anjuran SC Tubular Solutions (B) Sdn Bhd
Sabtu, 15 Oktober 2022 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Balai Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Anjuran Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Sabtu, 15 Oktober 2022 7.30 malam hingga 9.00 malam	Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Anjuran Persatuan Myanmar

Bengkel Kaji Selidik NHANSS-3 bermula

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Oktober. - Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD) sedang mengadakan bengkel khusus bagi penyelidik terlatih bagi Kaji Selidik Status Kesihatan dan Pemakanan Kebangsaan Ke-3 (NHANSS-3) yang bermula pada hari ini sehingga Khamis, 13 Oktober 2022, bertempat di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB IHS), UBD.

Tujuan kaji selidik ini diadakan adalah untuk memastikan penyelidik terlatih yang terlibat menjalankan kajian bagi NHANSS-3 mengetahui metodologi asas yang digunakan untuk menjalankan penyelidikan tersebut.

Bengkel ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu untuk melengkapkan penyelidik terlatih dengan kemahiran dan pengetahuan mengenai proses mengumpul data, menemui bual peserta kajiselidik dan kaedah permohonan dan untuk melatih penyelidik terlatih dengan menggunakan eSTEPS pada peranti Android tablet, yang akan digunakan untuk menemu bual peserta kaji selidik.

Seramai 60 orang menghadiri bengkel ini yang terdiri penyelidik terlatih, pelajar-pelajar dan ahli akademik dari PAPRSB IHS, UBD dan pegawai-pegawai dari Kementerian Kesihatan.

Kaji Selidik NHANSS-3 ini mengandungi dua fasa yang mana fasa pertama akan bermula pada bulan Oktober 2022 ini sehingga Januari 2023 dan akan memfokus kepada faktor-faktor risiko umum dalam kalangan orang dewasa yang berumur di antara 18 hingga 69 tahun.

Sementara itu, fasa kedua akan diadakan pada bulan Februari hingga Mei 2023 akan menyasarkan isu-isu berkaitan dengan kesihatan kanak-kanak dan wanita mengandung.

Bagi kedua-dua fasa ini, Fieldwork Research Assistants dan sukarelawan pelajar akan mengunjungi rumah-rumah yang terpilih di keempat-empat daerah untuk menemu bual ahli keluarga yang terpilih dan menjalankan pemeriksaan tertentu.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penolong Naib Canselor (Inovasi dan Perusahaan), UBD, Profesor Madya Dr. Mohammad Ayub Sadiq@Lin Naing.

Orang ramai yang terpilih adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama bagi menjayakan kaji selidik ini dan diharapkan akan dapat membantu Kementerian Kesihatan merangka dasar-dasar dan program-program yang bersesuaian untuk mengurangkan dan mencegah kadar kematian pramatang akibat Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit (NCD).



Badudun bermaksud bertandang atau berkunjung.

Contoh pemakaian kata : ia suka **badudun** ka rumah kakanya.

Badudus bermaksud sudah dipotong atau dikerat tentang bahagian mulut ikan, hujung kayu, dan lain-lain.

Contoh pemakaian kata : **badudus** sudah lauk atu?

Dugal bermaksud gastritis atau radang pada membran mukus yang melapik perut, akibat pengambilan makanan yang tidak menentu, tekanan emosi, atau bakteria.

Contoh pemakaian kata : mun ku banyak makan ubi kayu, timbul tia **dugalku**.

Gagau bermaksud banyak yang dilakukan atau diuruskan sehingga tiada masa yang terluang.

Contoh pemakaian kata : inda ia balaku datang, **gagau** ya.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG MASIN



Foto : Azmah Haji Ahad

Daging Salai Masak Lemak

BAHAN-BAHANNYA :

Daging salai - dihiris nipis
Santan pekat
4 biji bawang merah*
6 ulas bawang putih*
2 inci kunyit hidup*
8 biji cili padi*
7 keping asam kulit
Cili merah
3/4 helai daun kunyit (dihiris

halus)
Garam dan ajinamoto

CARA MEMASAK :

Masukkan daging salai ke dalam periuk dan campurkan ke semua bahan bertanda* pastikan ditumbuk halus terlebih dahulu dan masukkan air. Rebus sehingga

lembut.

Setelah daging empuk, masukkan asam keping, garam dan ajinamoto.

Akhir sekali masukkan santan pekat dan didihkan sekejap, jangan sampai pecah minyak. Tutup api kemudian taburkan daun kunyit dan lada merah sebagai hiasan.

MUKA 6

PESUROH JAYA TINGGI INGGERIS MENGUCHAPKAN TAHNIAH KAPADA DULI YANG MAHA MULIA

BANDAR BRUNEI. — Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Sir Denis White berkata bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei bukan sahaja sa-bagai sa-orang Sultan bahkan juga sa-bagai sa-orang pemimpin Ugamma Islam. Baginda sa-bagai sa-orang suami dan sa-orang bapa yang telah membentok satu tauladan untuk ra'ayat bagi memperkuatkan tali perhubungan di-antara ra'ayat dengan tahta.

Sir Denis berkata demikian dalam satu uchapan tahniah bagi menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan yang ke-46, di-Balai Pasiban Agong, Istana Darul Hana, pada 23 September lepas.

Hari keputeraan Duli Baginda, kata Sir Denis, ada-lah berupa satu ketika untuk bersuka ria dan juga bagi menunjukkan ta'at setia dan kaseh mesra ra'ayat Brunei kapada Sultan mereka.

Kata Pesuroh Jaya Tinggi itu lagi bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia telah berjaya memikul bebanan pertadbiran dan sekarang Brunei sedang maju ka-hadapan ka-arah jalan yang sama yang di-ambil oleh negeri2 dan wilayah2 di-bawah pemerintah baginda Queen beberapa tahun yang lampau.

"Bahawasa-nya negeri2 dan wilayah2 ini sekarang menjadi ahli2 bebas. Di-dalam golongan Commonwealth sangat-lah meng-emberakan kami sekalian dan ada-lah berupa satu kejayaan yang telah dapat di-chapai bagi memenangkan dasar yang telah di-ikuti sa-lama ini," tegas beliau.

Kata beliau sa-lanjutnya :

Peranan Inggeris dalam Commonwealth bukan lagi untuk menjajah atau memerentah bahkan untuk membawa negeri2 dan wilayah2 ka-arah kemerdekaan yang penoh dengan sa-berapa segera yang di-anggap baik dan selamat untuk berbuat demikian.

Di-samping itu peranan Inggeris juga ia-lah memberi bantuan dan sokongan antara sahabat dengan sahabat, sama ada berupa tentera dalam masa dharurat atau yang berupa kewangan untuk meninggikan taraf hidup negeri2 yang miskin atau kurang maju.

Sa-lain dari itu kemudahan2 pelajaran seperti university, maktab2 dan sekolah2 atau sama ada dengan jalan mengadakan kaki tangan teknikal yang berkelayakan untuk melatah pekerja2 tempatan atau untuk mengisikan kekosongan sa-hingga pekerja2 tempatan di-perolehi kelak, boleh-lah kami pikul dengan perasaan bangga.

Mengenai ranchangan Melayu Raya Sir Denis telah mengalu2-kan pembentukan-nya dan mengatakan keperchayaan penoh Ba-

ginda Queen tentang jaminan ranchangan tersebut untuk ketenteraman politik dan iktisad.

"Kerajaan Baginda Queen sa-sunggoh-nya memperchayai bahawa pembentukan Melayu Raya akan menjamin ketenteraman politik dan iktisad kerana dengan tidak ketenteraman sa-demikian neschaya tipis-lah harapan bagi negeri2 yang kecil untuk hidup dalam aman dan ma'amor di-dunia modern ini.

"Saya perchaya bahawa keputusan Brunei hanya akan di-buat sa-lepas memberi pertimbangan yang teliti," tegas beliau.

Dalam menyudahi uchapan, Sir Denis mempunyai keperchayaan bahawa Sultan ada-lah merupakan sauh yang akan menetapkan bahtera negeri Brunei sa-bagaimana ra'ayat Inggeris menganggap Baginda Queen terhadap negeri England.

PERSATUAN ASTERAWANI

DI-LAHIRKAN DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah persatuan sastrawan dan sastrawani telah di-tubohkan di-Negeri Brunei baru2 ini. Persatuan itu ada-lah di-kenali dengan nama PERSATUAN ASTERAWANI, dan pendaftaran-nya telah pun di-luluskan oleh pehak yang berkuasa pada 18 July, 1962.

Persatuan itu ada-lah terbuka kapada ra'ayat Brunei lelaki dan perempuan, dari segala bangsa yang berumur 16 tahun ka atas.

Dasar utama persatuan tersebut ia-lah :

- ◆ Untuk menyatukan peminat2 sastera yang kini kian berkembang di-Brunei dan akan mengabdiakan sastera ibunda sebagai pusaka turun temurun di-negeri ini.
- ◆ Mengusahakan dan membongkar lambaran kebudayaan negeri ini supaya hidup di-tengah2 masharakat umum.
- ◆ Meninggikan nilai kesenian Melayu negeri ini dan memperkenalkan kapada umum.
- ◆ Mengusahakan kemajuan2

sosial pemuda pemudi untuk kemajuan bangsa dan negeri serta menjaga dengan kukoh adat2 timor asli.

◆ Menyatukan peminat2 olah raga dan permainan untuk kemajuan bangsa dan negeri.

Sa-bagai salah satu kejayaannya, Persatuan Asterawani itu telah pun menerbitkan sa-buah majallah mengandungi cherita2 pendek, sajak, makalah dan lain2-nya.

Orang ramai yang sudi hendak menyumbangkan tenaga mereka

PARAJURIT2 BALEK BERCHUTI

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 21 orang Askar Melayu Brunei dari rombongan yang pertama telah balek ka-Brunei dari Persekutuan Tanah Melayu pada 18 September untuk berchuti di-Tanah Ayer.

Turut balek ka-Brunei bersama2 dengan askar2 tersebut kerana keuzoran ia-lah Sabtu bin Kota, sa-orang rekrut pasukan Askar Melayu Brunei.

Mereka telah di-sambut dengan meriah-nya oleh beratus2 orang keluarga dan sahabat hancui ketika mereka tiba di-Tambatan Kastam Di-Raja di-sini dari Labuan.

Parajurit2 tersebut di-jangka balek ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk meneruskan latihan di-Perkhemahan Seginting di-Melaka pada 15 Oktober.

terhadap penerbitan majallah tersebut ada-lah di-persilakan supaya mengirim buah2-pena masing2 kapada Pengarang, Asterawani Brunei, Peti Surat 345, Brunei.

Ahli2 Jawatan Kuasa Persatuan Asterawani Brunei ia-lah :

Yang Dipertua — Chegu Abdul Samad bin Abdul Kahar dan Naib Yang Dipertua — Chegu Liman Ahmad.

Setia Usaha I — Chegu Ahmad Husain dan Setia Usaha II — Chegu Mohamed Zain bin Haji Mohiddin.

Penyimpan Amanah I — Chegu Abdul Rahim Abdullah dan Penyimpan Amanah II — Chegu Muhammad Abdul Latif.

Setia Usaha Penerangan dan Sosial — Inche Adi Abdullah, Setia Usaha Persuratan (Sastera) — Inche Muslim Burmat, Setia Usaha Kebudayaan — Chegu Kasim Abu Bakar, Setia Usaha Derama — Chegu Ghafar Jumaat dan Setia Usaha Sukan — Chegu Masni Husain.

Pemerekha Kira2 — Inche Mahadi Metarsad dan Inche Ahmad Sulaitian.

Menurut keterangan Setia Usaha I, ra'ayat Brunei yang sudi hendak menjadi ahli Persatuan Asterawani itu di-persilakan berhubung dengan beliau di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei dan borang masuk menjadi ahli akan di-kirimkan kapada pemohon.

Sharat2-nya ia-lah : Tiap2 pemohon hendak-lah chenderong dalam salah satu daripada lima dasar Persatuan Asterawani sebagai mana yang kita siarkan dalam berita ini. Yuran bulanan sa-orang ahli ia-lah 50 sen dan bayaran masuk menjadi ahli ia-lah dua ringgit.



Duli Yang Maha Mulia kelihatan dalam gambar sa-belah kiri sedang mengurniakan Bintang S.M.B. (Darjah Ketiga) kepada Doktor C. J. De Silver di-Istana Darul Hana pada Hari Puja Usia Baru2 ini. Dalam gambar sa-belah kanan pula kelihatan Baginda sedang menerima se-bush chenderamata mengandungi uchapan tahniah daripada Kaum China di-Kuala Belait di-majlis tersebut.

IHP JULAI 2022 MENURUN 0.1 PERATUS

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Oktober. - Bagi Julai 2022, Indeks Harga Pengguna (IHP) menurun sebanyak 0.1 peratus bulan-ke-bulan, berbanding dengan Jun 2022.

Ini adalah disebabkan oleh penurunan Indeks Bukan Makanan sebanyak 0.3 peratus, walau bagaimanapun, Indeks Makanan dan Minuman Ringan menunjukkan peningkatan sebanyak 0.9 peratus.

Berbanding dengan Julai 2021, IHP meningkat sebanyak 4.1 peratus.

Peningkatan IHP ini adalah selaras dengan peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan; dan Bukan Makanan, masing-masing sebanyak 6.8 peratus; dan 3.5 peratus.

Peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan adalah disebabkan oleh kenaikan harga makanan, seperti minyak dan lemak 25.7 peratus; daging 13.2 peratus;

dan ikan dan makanan laut 7.1 peratus.

Peningkatan harga minyak dan lemak adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga minyak masak dari negara-negara pembekal.

Kenaikan harga daging ayam adalah penyumbang utama pada peningkatan harga daging disebabkan oleh peningkatan kos makanan ternakan ayam.

Manakala, peningkatan harga ikan dan makanan laut adalah disebabkan oleh kekurangan bekalan ikan akibat daripada cuaca yang tidak menentu.

Peningkatan dalam komponen Bukan Makanan adalah didorong oleh Pelbagai Barang dan Perkhidmatan sebanyak 14.0 peratus; Pengangkutan 4.3 peratus; dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain 2.3 peratus.

Kenakan harga Pelbagai Barang dan Perkhidmatan adalah

terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga insurans kenderaan.

Manakala, peningkatan dalam Pengangkutan adalah terutamanya oleh kenaikan harga kenderaan bermotor dan tiket penerbangan.

Kenaikan kos penyelenggaraan dan pembaikan tempat kediaman; dan harga sewa kediaman, mendorong pada peningkatan harga Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain.

IHP mengukur perubahan harga barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan serta dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barang dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi Julai 2022 boleh didapatkan di Laman Sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.

Website: deps.mofe.gov.bn
E-mail: info.statistics@jpes.gov.bn
Instagram: [@statistics_jpes](https://www.instagram.com/statistics_jpes)

جایان فرانچن ایکونومی دان ستابانیستیک
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM

CONSUMER PRICE INDEX

JULY 2022



NBD berada di Monsun Peralihan

Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Oktober. - Negara Brunei Darussalam sekarang berada di Monsun Peralihan, di mana kesan angin tempatan memainkan peranan yang penting, dalam mempengaruhi cuaca harian negara kita.

Pada beberapa hari kebelakangan ini, hujan dan ribut petir kerap berlaku di kawasan pedalaman pada sebelah petang dan merebak serta menjelaskan kawasan pesisiran serta perairan negara pada waktu malam dan berlanjut sehingga awal pagi, keesokan harinya.

Keadaan cuaca negara masih diramalkan aktif bermula hari ini, Selasa, 11 Oktober 2022 hingga Sabtu, 15 Oktober 2022 disebabkan oleh pengaruh sistem tekanan rendah yang membentuk, di kawasan Laut China Selatan.

Keadaan ini dijangka boleh menyebabkan kejadian hujan berangin ribut sekali-sekala berlaku, terutamanya di perairan negara dan kadang-kala menjelaskan kawasan darat.

Kelajuan angin boleh meningkat sehingga 50kmsj di kawasan darat dan 60kmsj di perairan negara, semasa atau dekat hujan berangin ribut.

Manakala di perairan Brunei, keadaan laut berombak di paras bergelora, di antara 2.0 meter hingga 3.0 meter, terutamanya bermula pada Rabu, 12 Oktober 2022 hingga Jumaat, 14 Oktober 2022.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku.

Kejadian pokok tumbang dan tanah susur boleh berlaku semasa hujan lebat serta keadaan berangin.

Risiko berlakunya banjir kilat, terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat dan semasa kejadian air pasang.

Keadaan laut bergelora juga adalah berbahaya kepada semua bot bersaiz kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat serta amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Kami akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa dan akan mengeluarkan nasihat serta amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit kami, iaitu Brunei WX kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas, di Pusat Ramalan Cuaca menerusi Talian Cuaca 114 atau melayari laman sesawang, www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook, [@brunei.weather](https://www.facebook.com;bruneiweather) dan Instagram, [@brunei.weather](https://www.instagram.com;brunei.weather).

Tarikh penyertaan peraduan dilanjutkan

Siaran Akhbar : Pusat Da'wah Islamiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Oktober. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Urusetia Peraduan Penulisan Seni Kreatif dan Non Kreatif Berunsur Islam ingin memaklumkan mengenai Peraduan Penulisan Seni Kreatif dan Non Kreatif

Berunsur Islam bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1444 Hijrah / 2022 Masihi yang telah dibukakan bermula Isnin, 6 September 2022M dengan ini dilanjutkan tarikh penyertaan sehingga Khamis, 15 Rabiulakhir bersamaan dengan

10 November 2022M sebelum jam 4.00 petang.

Borang penyertaan bolehlah diperolehi daripada Urusetia Peraduan Penulisan Seni Kreatif dan Non Kreatif Berunsur Islam, PDI, KHEU, di Kampung Pulaie, Jalan Pusat Dakwah, Berakas atau dengan melayari media sosial PDI di Instagram @pdi_kheu atau Facebook PDI.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Urusetia Peraduan Penulisan Seni Kreatif dan Non Kreatif Berunsur Islam menerusi talian +673 2383996 sambungan 241 atau 242.

BASMIDA anjurkan Doa Kesyukuran sempena Puja Usia Kebawah DYMM Raja Isteri

Siaran Akhbar : Persatuan Basmi Dادا

MANGGIS / MADANG, Isnin, 10 Oktober. - Kumpulan Ahli Lelaki dan Wanita dari Persatuan Basmi Dادا (BASMIDA) semalam mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Solat Maghrib dan Isyak Berjemaah sempena Sambutan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Majlis yang diadakan di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit itu dihadiri lebih daripada 70 Ahli Lelaki dan Wanita daripada kalangan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Kerja serta Ahli-ahli Persatuan BASMIDA.

Turut hadir, Yang Dipertua (YDP) BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohammad Ali; Naib YDP, Dayang Hajah Linda Aini binti Abdullah; dan Dayang Hajah Simah binti Haji Mohd. Yusof Khan.

Atur cara bagi jemaah perempuan, dimulakan dengan Selawat Tafrijiyah beramai-ramai, disusuli dengan Solat Fardu Maghrib Berjemaah.

Acara kemudian disusuli dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah, dipimpin oleh Dayang Nor'sinah binti Haji Hidup, yang juga memimpin bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai.

Sementara, bacaan Doa Kesyukuran sempena Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dibacakan oleh Dayang Hartini binti Hassim, yang juga membacakan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Manakala bagi jemaah lelaki pula, Solat Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Bilal masjid, Awang Razman bin Haji Ramlee, disusuli dengan bacaan doa, seterusnya Solat Sunat Qabliyyah.

Sejurus itu, acara Malam Munajat secara maya bermula, yang kemudiannya disudahi dengan menunaikan Solat Fardu Isyak Berjemaah.

Bacaan Doa Kesyukuran sempena Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bagi jemaah lelaki, dibacakan oleh Awang Haji Pudin bin Haji Ahmad.



Kenderaan elektrik mesra alam bantu kurangkan pencemaran

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan

MENJELANG tahun 2035, dianggarkan lebih 11,000 kenderaan baharu akan didaftarkan setiap tahun. Perangkaan tersebut adalah berdasarkan kajian awal Jawatankuasa Kerja Kenderaan Elektrik (Electric Vehicle Join Task Force - EVJTF) bersama Sekretariat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BCCS). Daripada jumlah tersebut disasarkan 60 peratus atau 6,800 kenderaan terdiri daripada kenderaan jenis elektrik.

Dalam mencapai sasaran tersebut, EVJTF dengan kerjasama agensi-agensi berkepentingan telah menyediakan dasar dan program sokongan bagi mewujudkan ekosistem yang mesra pengguna EV di negara ini. Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam National Climate Change Policy - BNCCP) mengenal pasti peralihan negara ke arah penggunaan kenderaan elektrik (*electric vehicle* - EV) yang merupakan pilihan yang berdaya maju. Penggunaannya merupakan salah satu strategi BNCCP melakar jalan ke arah daya tahanan negara dalam perubahan iklim dan pengeluaran karbon yang rendah. Ini juga merupakan sumbangan yang sangat besar kepada langkah-langkah pengurangan perubahan iklim seiring dengan Wawasan Brunei 2035 dan inisiatif ini juga adalah salah satu elemen ke arah mempromosi keselamatan, kedayatahanan

dan kemakmuran ekonomi melalui pendekatan rendah karbon bagi melindungi alam sekitar di negara ini.

Perancangan EVJTF

Pegawai Penyelidik & Perkembangan, Bahagian Pengangkutan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Dayang Fadzila binti Awang Abdul Hamid menjelaskan mengenai perancangan EVJTF pada masa ini bagi meningkatkan lagi penggunaan EV bagi orang ramai.

"Untuk pengenalan, EVJTF ini ditubuhkan sejak awal tahun 2021 sebagai platform untuk memastikan pendekatan seluruh negara dalam memperkenalkan, membangun dan melaksanakan dasar-dasar serta inisiatif-inisiatif EV di peringkat kebangsaan. EVJTF ini dipengerusikan bersama oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan ahli-ahlinya terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, pihak-pihak berkuasa, sektor swasta dan persatuan-persatuan yang berkenaan".

Sejak pelancaran Projek Rintis EV pada Mac 2021 yang lalu katanya, EVJTF telah bekerjasama dengan agensi-agensi berkenaan dalam mengenal pasti dan melaksanakan dasar-dasar dan program-program sokongan bagi mewujudkan ekosistem yang mesra pengguna bagi EV di

Negara Brunei Darussalam.

"Dasar-dasar dan program-program sokongan yang telah dikenal pasti adalah mengambil kira faktor utama orang ramai dalam memilih EV seperti keselamatan kenderaan, harga pembelian kenderaan elektrik termasuk perbelanjaan dan keperluan bagi memiliki EV seperti lesen kenderaan, insurans, penyelenggaraan atau *after sales service*, serta penyediaan infrastruktur iaitu stesen-stesen pengelas EV. EVJTF juga telah mengadakan beberapa sesi jerayawara dan dialog untuk orang ramai dalam meningkatkan lagi pengetahuan mengenai usaha-usaha yang dijalankan serta kebaikan (atau faedah) menggunakan kenderaan elektrik kepada individu dan negara secara amnya.

Kelebihan-kelebihan EV

Menurut Pegawai Ekonomi, Bahagian Peralihan Tenaga, Jabatan Tenaga, JPM, Awang Muhammad Rifdi bin Haji Sahari menjelaskan, kelebihan-kelebihan EV daripada kenderaan biasa, "Salah satu kelebihan utama penggunaan kenderaan elektrik adalah dari segi kesannya kepada alam sekitar. Mengikut laporan daripada BCCS, sektor pengangkutan darat adalah penyumbang ketiga tertinggi pengeluaran Gas Rumah Hijau (GHG) di negara ini. Di antara kelebihan lainnya ialah kos penyelenggaraan EV adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan kenderaan biasa. Ini

adalah kerana tiada kos penyelenggaraan bagi minyak pelincir, tiada penukaran penapis udara dan pengurangan kos perbelanjaan penggantian brek kenderaan. Dari sudut perbelanjaan pengecasan kenderaan elektrik di rumah, ia adalah 3-5 kali lebih rendah berbanding dengan perbelanjaan pembelian minyak secara penuh".

Sambutan, cabaran EV

Wakil Persatuan Peniaga Automobil Brunei Darussalam (PPAB), Sales Managar Setia Motors Sendirian Berhad, Awang Mohamad Fadhillah bin Haji Awang Sulaiman menjelaskan, "Setelah pelancaran pada Mac 2021, ramai yang berkunjung ke bilik pameran kereta EV. Ini adalah petanda baik bahawa minat orang ramai terhadap EV. Cabaran yang dihadapi sekarang ialah harga pada EV pada masa ini agak tinggi. Inilah cabaran yang perlu ditangani bersama dengan pihak kerajaan. PPAB juga akan terus berusaha untuk mendatangkan EV yang boleh menepati kehendak orang ramai.

Penutup

Dengan kesan pemanasan global yang semakin ketara, pemandu era baru perlu memainkan peranan dalam membantu mewujudkan persekitaran yang lebih jauh bagi generasi masa ini dan akan datang melalui usaha mengurangkan kadar pencemaran.



KERJA PENCUCIAN TANGKI AIR KATOK 'A'

Siaran Akbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Oktober. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai dengan kerja-kerja pencucian tangki air Katok 'A' yang akan dilaksanakan pada Selasa, 11 Oktober 2022 bermula jam 9.00 pagi hingga kerja-kerja selesai.

Para penduduk di kawasan yang terlibat, iaitu kawasan Simpang 207, 215, 217, 241, 255, 273, 289, 305 Kampung Tungku Gadong; sepanjang Simpang 355 Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Katok A dan sekitarnya yang mengalami masalah bekalan air disarankan untuk menghubungi talian Darussalam 123 bagi sebarang permohonan pembekalan air bersih melalui tanker atau sebarang aduan berhubung pembekalan air bersih.

Sebarang kesulitan adalah dikesali dan pihak jabatan ingin berterima kasih atas kefahaman dan kesabaran orang ramai.

Kerja penggantian paip air PE

BELAIT, Isnin, 10 Oktober. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai gangguan bekalan air / tekanan air rendah di kawasan sepanjang Jalan Kecil Sungai Bakong Lumut dan sekitarnya pada hari ini mulai jam 9.00 malam hingga kerja-kerja selesai dilaksanakan.

Gangguan bekalan air / tekanan air rendah berkenaan adalah disebabkan oleh kerja-kerja penggantian paip air PE berukuran 125 milimeter diameter di Simpang 81 dan 87, Jalan Kecil Sungai Bakong Lumut, Daerah Belait.

JKR juga ingin mengambil peluang ini untuk memohon kerjasama semua pihak untuk berjimat cermat dalam penggunaan air serta menghubungi talian Darussalam 123 bagi pembekalan air bersih melalui tanker atau sebarang aduan berhubung pembekalan air bersih.

Sebarang kesulitan adalah dikesali dan pihak jabatan ingin berterima kasih atas kefahaman dan kesabaran orang ramai.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun

PenggunaBijak



Pekerja lari daripada majikan

Siaran Akbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang pekerja perempuan warganegara Indonesia yang dilaporkan lari daripada majikan.

Pekerja tersebut ialah Enok, 39 tahun dengan no. pasport C38503481.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Bandar Seri Begawan menerusi talian +673 2242334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke balai-balai polis berdekatan.



SEORANG pekerja perempuan warganegara Indonesia, Enok dilaporkan lari daripada majikan.

Penutupan sementara sebahagian Jalan Pandan Enam



JALAN DITUTUP BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP PEMBETUNG

PENUTUPAN sementara sebahagian Jalan Pandan Enam, Kuala Belait disebabkan oleh kerja-kerja pembaikan paip pembetung yang pecah di jalan berkenaan mulai hari ini hingga kerja-kerja selesai.

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya

BELAIT, Isnin, 10 Oktober. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai dengan penutupan sementara sebahagian Jalan Pandan Enam, Kuala Belait disebabkan oleh kerja-kerja pembaikan paip pembetung

yang pecah di jalan berkenaan mulai hari ini hingga kerja-kerja selesai.

Sehubungan itu, pihak jabatan ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan raya supaya akan dapat mengambil langkah untuk lebih berhati-hati apabila melalui kawasan berkenaan di samping

mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan mematuhi had laju yang dibenarkan demi mengelakkan pelbagai perkara yang tidak diingini.

Sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi pihak jabatan melalui Talian Darussalam 123 / Whatsapp +673 8333123 ataupun menerusi e-mel: pro@pwd.gov.bn.

Bekalan air Mukim Labi terjejas, paip air bocor

BELAIT, Isnin, 10 Oktober. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa paip air *ductile iron* berukuran 150 milimeter diameter berdekatan Simpang 3405, Jalan Labi telah mengalami kebocoran.

Kerja-kerja pembaikan sedang dilaksanakan pada masa ini.

Oleh yang demikian, kawasan Mukim Labi dan sekitarnya akan

mengalami tekanan air rendah / tiada bekalan air (terutama di kawasan tinggi).

JKR ingin memberi jaminan kepada orang ramai bahawa setiap langkah telah diambil untuk menangani bekalan air rendah berkenaan dan pihak jabatan berusaha untuk melaksanakan pembekalan air kembali seperti biasa secepat mungkin.

Pihak jabatan juga ingin

ambil peluang ini untuk memohon kerjasama semua pihak untuk berjimat cermat dalam penggunaan air serta menghubungi talian Darussalam 123 bagi pembekalan air bersih melalui tanker atau sebarang aduan berhubung pembekalan air bersih.

Sebarang kesulitan adalah dikesali dan pihak jabatan ingin berterima kasih atas kefahaman dan kesabaran orang ramai.

Bantu kesan seorang lelaki dikehendaki

Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang lelaki yang dikehendaki bagi membantu siasatan pihak Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah menerusi talian +673 2459500 sambungan 490 / 333 atau Talian Kecemasan Polis 993.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah menerusi talian +673 2459500 sambungan 490 / 333 atau Talian Kecemasan Polis 993.

LELAKI yang dikehendaki, Mohd. Irwan bin Abdullah, 24 tahun, dengan nombor Kad Pengenalan, 01-135067 (Kuning).



HOSPITAL AS SIAP SEDIA HADAPI PENINGKATAN KADAR KES DEMAM SELESEMA, COVID-19 PADA MUSIM SEJUK

WASHINGTON, 11 Okt. - Hospital di seluruh Amerika Syarikat (AS) bersiap sedia untuk menghadapi musim sejuk berikutnya peningkatan kadar demam selesema (flu) dan kekurangan petugas.

Menurut sesetengah doktor tumpuan terhadap penjagaan kesihatan COVID-19 menyebabkan mereka mengalami masalah kekurangan petugas.

Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) memaklumkan kadar demam selesema dan virus pernafasan lain meningkat di beberapa bahagian di AS yang turut menyaksikan peningkatan keputusan positif ujian flu pada

minggu lepas, lapor United Press International (UPI).

CDC menjangkakan jumlah kes selesema melonjak ke tahap pra-pandemik berikutnya sekatan COVID-19 ditarik balik dan orang ramai kembali ke pejabat serta sesi persekolahan kembali berjalan seperti biasa.

"Kemungkinan besar kita akan menyaksikan influenza kembali menular pada musim sejuk ini," kata Ketua Pegawai Pencegahan Jangkitan untuk UCLA Health Dr Dan Uslan kepada NBC News.

Australia sedang mengalami musim demam selesema paling buruk dalam tempoh lima

tahun. AS juga boleh terjejas teruk memandangkan hanya 49 peratus rakyat AS merancang untuk mendapatkan suntikan vaksin untuk mencegah selesema tahun ini.

Meskipun jumlah kes COVID-19 terus menurun, puluhan ribu kes baru masih dikesan setiap hari.

Apabila musim sejuk tiba dan lebih ramai orang berada di rumah, bilangan virus berkaitan pernafasan dijangka meningkat dengan hospital tidak cukup kelengkapan untuk menangani lonjakan.

Dr Carlos del Rio dari Sekolah Perubatan Universiti Emory,

jururawat barisan hadapan adanya yang bersara awal atau berhenti menyebabkan banyak hospital bergelut untuk merekrut petugas baharu.

Berdasarkan data Sistem Penjejak Kesihatan, bilangan



Thailand akan perketat kawalan senjata api selepas kejadian pembunuhan di pusat penjagaan kanak-kanak

BANGKOK, 11 Okt. - Perdana Menteri Thailand Prayuth Chan-o-cha mengarahkan pihak berkuasa mengetatkan pemilikan senjata api serta membanteras perdagangan senjata api dan pengedaran dadah di negara itu.

Arahan itu dikeluarkan susulan insiden amuk dan pembunuhan oleh seorang bekas anggota polis di pusat penjagaan kanak-kanak di Uthai Sawan, minggu lepas.

Beliau mengarahkan pihak berkuasa supaya menyiasat dan membatalkan lesen senjata api pemilik yang dilaporkan menimbulkan huru-hara dan mengancam masyarakat, kata Pemangku Jurucakap Kerajaan Anucha Buraphachaisri.

"Perdana menteri juga mengarahkan pihak berkuasa supaya membanteras perdagangan senjata api dan pengedarannya di negara itu," katanya dalam satu kenyataan.

Anucha berkata Prayuth turut

mengarahkan pihak berkuasa melancarkan operasi dan mengambil tindakan tegas bagi membendung penyalahgunaan dadah di negara itu.

Agensi-agensi yang berkaitan juga digesa meningkatkan rawatan termasuk menyediakan kemudahan pemulihan untuk penagih dadah.

Sementara itu, Ketua Polis Negara Jeneral Damrongsa Kittiprapat berkata Polis Diraja Thailand akan menarik balik senjata api daripada pegawai dan anggota polis yang didapati menyalahgunakan senjata api mereka atau menunjukkan tingkah laku agresif semasa menjalankan tugas.

Beliau berkata pemeriksaan kesihatan mental yang kerap juga perlu bagi pemegang lesen senjata api.

"Perdana Menteri (Prayuth) akan mempengaruhi mesyuarat bagi membincangkan lebih lanjut

mengenai kawalan pemilikan senjata Rabu ini," katanya.

Khamis lepas, seorang anggota polis yang dipecat membunuh 36 orang termasuk 24 kanak-kanak di Uthai Sawan di wilayah Nong Bua Lamphu, kira-kira 500 kilometer (km) timur laut Bangkok.

Lelaki berusia 34 tahun itu membunuh 23 kanak-kanak yang sedang tidur selepas makan tengah hari, di pusat jagaan kanak-kanak itu.

Dia yang kemudiannya melarikan diri dari tempat kejadian dengan menaiki kenderaan, pulang ke rumah lalu membunuh isteri dan anak lelakinya sebelum maut menembak dirinya sendiri.

Pemilikan senjata api di Thailand antara yang tertinggi di Asia Tenggara. Tinjauan ke atas Senjata Kecil pada 2017 menganggarkan orang awam di negara itu memiliki 10.3 juta termasuk kira-kira empat juta senjata api tidak berlesen.

- ©BERNAMA

Jerman : Parti Sosial Demokrat dijangka menang pilihan raya negeri

BERLIN, 10 Okt. - Parti Sosial Demokrat (SPD) pimpinan Canselor Jerman Olaf Scholz dijangka memenangi pilihan raya negeri di utara Lower Saxony dan mengukuhkan lagi pengaruh politiknya di negara itu, menurut ramalan terkini pada petang Ahad.

Bagaimanapun, tinjauan penyiar awam ARD dan ZDF menunjukkan

SPD hanya memperoleh 32.7 hingga 33.3 peratus undi, penurunan ketara berbanding 36.9 peratus ketika pilihan raya 2017.

Pilihan raya itu dilihat sebagai penanda aras terhadap kepimpinan Scholz selepas hampir setahun menjawat jawatan itu, lapor Agensi Anadolu.

Kesatuan Demokratik Kristian

hanya memperoleh kira-kira 28 peratus undi, pencapaian terburuk dalam tempoh lebih 60 tahun.

Sebaliknya parti The Greens hampir menggandakan jumlah undian untuk berada di tempat ketiga dengan 14 hingga 14.3 peratus, meningkat berbanding 8.7 peratus pada lima tahun lalu. - ©BERNAMA

Putin kecam serangan terhadap Jambatan Crimea

MOSCOW, 10 Okt. - Presiden Vladimir Putin pada Ahad mendakwa letupan di Jambatan Crimea berpunca daripada serangan penggaras yang bertujuan memusnahkan infrastruktur awam penting di Rusia.

Beliau berkata demikian ketika bertemu Pengerusi Jawatankuasa Penyiasatan Rusia Alexander Bastrykin.

Bastrykin turut mengesahkan dakwaan Putin itu sambil berkata rakyat Rusia dan negara asing turut terlibat dalam insiden itu, lapor Xinhua.

"Kami telah menjelaki sejarah laluan trak yang meletup. Ia telah merentasi Bulgaria, Georgia, Armenia, Ossetia Utara, dan Wilayah Krasnodar.

"Kami juga telah mengenal pasti dalangnya dengan bantuan

ejen FSB (Perkhidmatan Keselamatan Persekutuan...," katanya.

Pada Sabtu sebuah trak meletup di Jambatan Crimea hingga menyebabkan tujuh tangki minyak kereta api terbakar.

Tiga orang terbunuh dalam kejadian itu manakala sebahagian struktur jambatan turut runtuh. - ©BERNAMA

pekerja penjagaan kesihatan yang berhenti sebanyak 23 peratus lebih tinggi berbanding semasa pandemik bermula dan hospital tidak mampu menampung jumlah kemasukan pesakit yang ramai. - ©BERNAMA

Krisis kemanusiaan Haiti, Ketua PBB gesa penempatan tentera antarabangsa

NEW YORK, 10 Okt. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) António Guterres pada Ahad menggesa penempatan tentera antarabangsa ke Haiti untuk membantu menangani krisis kemanusiaan, kata jurucakap PBB Stephane Dujarric dalam satu kenyataan.

Setiausaha Agung itu menyuarakan kebimbangan terhadap perkembangan di Haiti yang berdepan penularan wabak taun di tengah-tengah keselamatan negara semakin lumpuh, menurut kenyataan itu.

Kumpulan-kumpulan tertentu dilaporkan mengawal terminal bahan api Varreux di Port-au-Prince manakala perkhidmatan kritikal termasuk pengagihan air bersih, makanan dan bekalan perubatan diperlukan untuk mencegah penularan penyakit berkenaan, lapor Xinhua.

Guterres pada Ahad menyerahkan surat kepada Majlis Keselamatan untuk meningkatkan sokongan keselamatan kepada Haiti.

Ketua PBB itu turut menyeru pihak berkepentingan Haiti untuk mengelebihikan perbezaan mereka dan melibatkan diri dalam sesi dialog yang inklusif secepat mungkin. - ©BERNAMA

Banjir Sabah : 142 mangsa ditempatkan di 4 PPS pagi ini

KOTA KINABALU, 11 Okt. - Seramai 142 orang daripada 36 keluarga mangsa banjir di Sabah ditempatkan di empat pusat pemindahan sementara (PPS) dalam bencana melibatkan Penampang, Putatan, Papar dan Beaufort, setakat 8 pagi ini.

Jumlah itu meningkat berbanding hanya 88 orang daripada 16 keluarga mangsa banjir melibatkan tiga daerah semalam.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Banjir Sabah dalam kenyataan memaklumkan empat PPS beroperasi ialah Dewan Kebudayaan di Penampang yang menempatkan 20 mangsa daripada empat keluarga; Dewan PPR Sri Keramat, Putatan (61 mangsa daripada 11 keluarga).

Dua lagi PPS ialah Kompleks Latihan dan Pemulihan OKU di Papar (10 mangsa daripada dua keluarga); dan Dewan DSP Mohd Dun Banir, Beaufort (51 mangsa daripada 19 keluarga).

Kesemua PPS berkenaan masing-masing dibuka pada Ahad dan Isnin susulan hujan lebat berterusan sejak Sabtu lepas.

Cuaca mendung pada pagi ini di sekitar Kota Kinabalu dan pantai barat Sabah, manakala Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan ribut petir di beberapa lokasi dan hujan pada sebelah petang di kawasan terlibat kecuali Putatan. - ©BERNAMA

Tanah runtuh di Venezuela, 22 maut 52 hilang

BOGOTA (COLOMBIA), 10 Okt. - Sekurang-kurangnya 22 orang maut manakala 52 lagi hilang dalam kejadian tanah runtuh dicetuskan hujan lebat pada Sabtu di Venezuela, lapor Agensi Anadolu.

"Kami melihat banyak kerosakan berlaku...setakat ini kami telah menemukan 22 mayat."

"Lebih 52 orang hilang dan kami sedang berusaha mengesan kesemua mangsa," kata Timbalan Presiden Delcy Rodriguez kepada pemberita pada Ahad.

Sungai El Pato yang terletak 40 batu dari barat daya Caracas telah menghanyutkan beberapa kediaman dan kedai di Las Tejerias, Aragua.

Presiden Nicolas Maduro berkata pasukan bantuan kini sedang menyuruhkan bantuan kecemasan.

"Berdepan dengan situasi sukar dan memilukan akibat hujan lebat di Las Tejerias, saya mengarahkan Timbalan Presiden @delcyrodriguez, Kabinet dan semua agensi keselamatan melaksanakan penempatan sementara untuk penjagaan menyeluruh rakyat. Mereka tidak bersendirian!" Maduro berkata menerusi Twitter.

Maduro turut mengisyiharkan berkabung selama tiga hari.

Beberapa bahagian di Venezuela dilaporkan menerima curahan hujan lebih banyak berbanding biasa akibat fenomena La Nina.

Angka korban akibat hujan lebat sejak dua minggu lepas kini mencecah 42, menurut pihak berkuasa. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



SKUAD B-17 NEGARA SELAMAT TIBA DI TANAH AIR

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daiddin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Selasa, 11 Oktober. - Skuad Negara Brunei Darussalam (NBD) Bawah 17 Tahun (B-17) selamat tiba ke tanah air selepas berada di Uzbekistan bagi menyertai Kelayakan Piala Asia B-17.

Hadir menyambut ketibaan pasukan skuad negara di Ruang Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif FABD, Bujang Japar, Pengiran Aliuddin Pengiran Tajuddin dan Pengiran Waslimin PSJ Pengiran Haji Momin.

Pasukan negara menyertai dua perlawanan dan semasa menentang skuad B-17 Uzbekistan, skuad negara tewas dengan jaringan 14 - 0. Dalam perlawanan lain, skuad B-17 negara tewas di tangan Republik Korea dengan jaringan 10 - 0.



SKUAD Negara Brunei Darussalam (NBD) Bawah 17 Tahun (B-17) selamat tiba ke tanah air selepas berada di Uzbekistan bagi menyertai Kelayakan Piala Asia B-17.

Skuad B-16 intai peluang jalani kem latihan di Timur Tengah, Jepun

KUALA LUMPUR, 11 Okt. - Skuad Bawah 16 tahun (B-16) kebangsaan berharap dapat menjalani kem latihan di Timur Tengah atau Jepun menjelang kempen pusingan akhir Piala Asia Bawah 17 tahun (B-17) 2023.

Ketua jurulatih Osmera Omero berkata selain bertujuan memberi pendedahan, pihaknya merancang untuk mengadakan perlawanan persahabatan bersama pasukan kuat dari Timur Tengah atau Jepun dalam usaha untuk memberi tentang sejut pada saingan berprestij bola sepak belia Asia itu.

"Walaupun cemerlang (layak ke pusingan akhir Piala Asia B-17 2023), namun masih banyak lagi aspek perlu diperbaiki.

"Antara cara terbaik adalah memberi pendedahan menentang pasukan kuat dari Timur Tengah atau pun Jepun bagi mereka mendapatkan pengalaman bermain pada intensiti yang sama pada pusingan kelayakan kali ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas tiba bersama skuad negara dari Indonesia di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), malam tadi.

Pada aksi kelayakan Piala Asia B-17 2023 di Indonesia, Malaysia memulakan kempen Kumpulan B dengan menumpaskan Palestin 4-0 diikuti seri 1-1 menentang Guam sebelum mengejutkan pasukan pilihan Emiriah Arab Bersatu 3-2 dan melengkapkan saingan dengan 'meratah' tuan rumah, 5-1.

Malaysia layak ke Piala Asia B-17 2023 selepas mengungguli Kumpulan B dengan 10 mata. Hanya 10 juara kumpulan dan enam pasukan naib juara kumpulan terbaik layak ke pusingan akhir.

Dalam pada itu, Osmera memaklumkan mereka akan mencuba sedaya upaya untuk muncul empat pasukan terbaik di Piala Asia B-17 2023, sekali gus mencatat sejarah layak ke Piala Dunia B-17 buat julung kalinya, juga tahun depan.

Sementara itu, pengurus pasukan, Christopher Raj berkata Iran, Jepun dan Korea Selatan berada dalam radar pihaknya bagi menguji tahap kekuatan skuad muda negara menjelang Piala Asia B-17 2023.

Beliau menarik perhatian kejayaan skuad negara mengejutkan Palestin 4-0 dan Emiriah Arab Bersatu 3-2 membuka mata semua pihak lawan mengenai kemampuan dimiliki pasukan negara.

Ini adalah kali keenam skuad muda kebangsaan layak ke pentas Piala Asia B-17 selepas kali terakhir melakukannya pada edisi 2018 selaku tuan rumah.

Pencapaian terbaik skuad muda di saingan berprestij itu adalah pada edisi 2014 apabila layak ke suku akhir namun gagal ke saingan seterusnya selepas tewas nipis 1-2 di tangan Australia. - ©BERNAMA

Lagenda tinju Filipina Pacquiao bertarung di Korea Selatan kumpul dana untuk Ukraine

SEOUL, 11 Okt. - Peninju hebat Filipina Manny Pacquiao akan bertarung dalam perlawanan pertunjukan di Korea Selatan pada musim sejuk ini bagi mengumpul dana untuk negara dilanda perang, Ukraine, umum pengajur acara itu pada Selasa.

Pacquiao, satu-satunya juara dunia divisyen Iapan dalam sejarah tinju akan menentang ahli seni pertahanan diri Korea Selatan DK Yoo pada 11 pagi 11 Dis di Pusat Pameran Antarabangsa Korea (KINTEX) di Goyang, lapor agensi berita Yonhap.

Hasil daripada perlawanan itu akan didermakan untuk bantuan dan pemulihan di Ukraine.

Kali terakhir Pacquiao, 43, mengadakan perlawanan rasmi ialah pada Ogos 2021. Pertandingan pertunjukan ini akan mengikuti peraturan tinju enam pusingan dua minit. Kedua-dua peserta akan memakai sarung tangan 10 auns.

"Saya gembira dan teruja atas peluang ini," kata Pacquiao pada sidang media di Seoul bagi mengumumkan butiran perlawanan itu.

"Pertarungan adalah yang sebenar. Kami akan cuba mengalahkan satu sama lain. Itu sebab kami perlu bekerja keras," katanya.

Pacquiao berkata beliau akan menggunakan pertarungan ini untuk memutuskan sama ada akan kembali ke arena tinju profesional atau kekal untuk perlawanan pertunjukan sahaja.

"Ia bergantung. Kita akan lihat keputusan pada 11 Dis," kata Pacquiao sambil tersenyum. Rekod kerjayanya ialah 62 kemenangan (39 KO), Iapan kalah dan dua seri.

Sementara itu, Yoo yang telah menambah bilangan pengikut yang ramai di YouTube menerusi klip yang menunjukkan teknik pertarungan, berkata beliau menyahut cabaran untuk bertarung dengan seorang yang hebat sepanjang zaman.

"Jelas sekali, saya sedar Pacquiao menjadi

pilihan," kata Yoo yang tewas kepada bekas pejuang Ultimate Fight Championship (UFC) Bradley Scott dalam perlawanan tinju tahun lalu.

"Namun saya lebih besar dan saya berharap dapat memanfaatkan kelebihan itu. Saya tidak memikirkan keputusannya sekarang. Matlamat saya adalah untuk berlatih bersungguh-sungguh dan menunjukkan kepada atlet hebat seperti Pacquiao, kemampuan saya," katanya.

Pacquiao berkata beliau sedar cabaran sebenar untuk melawan dengan musuh yang lebih besar.

"Saya telah berlawan dengan lelaki yang lebih besar sejak 2000. Bukan perkara baharu bagi saya untuk melawan lelaki yang lebih besar dalam tinju."

"Saya perlu kerja keras dan jalani latihan yang sukar," katanya.

Pacquiao berkata beliau telah melihat klip pertarungan Yoo menentang Scott dan nampak ada penambahbaikan yang dibuat oleh pemain Korea Selatan berusia 43 tahun itu.

"Tinju lebih sukar berbanding seni mempertahankan diri."

"Dia perlu belajar lebih banyak dan berlatih bersungguh-sungguh untuk bertinju kerana ia memerlukan stamina, gerak kaki dan pergerakan kepala," katanya.

Pacquiao sudah lama menceburan bidang politik di Filipina. Beliau berkhidmat di Dewan Rakyat dari 2010 hingga 2016 dan di Dewan Negara dari 2016 hingga 2022. Beliau bertanding jawatan presiden awal tahun ini namun tewas kepada Ferdinand Marcos Jr.

Pacquiao yang juga meminati bola keranjang berkata beliau pernah menjadi pemilik pasukan dalam Persatuan Bola Keranjang Filipina dan mengasaskan liga separa profesional di negara itu. Beliau bermain bola keranjang untuk kekal sihat selepas kerjaya tinjunya berakhir. - ©BERNAMA